# TUNAS

SEK. MEN. PENDIDIKAN KHAS
PULAU PINANG
FEDERATION SCHOOL FOR
THE DEAF
PENANG



# 1996

# Falsafah Pendidikan Khas



Falsafah Pendidikan Khas serupa dengan Falsafah Pendidikan Negara. Perkembangan optimum seseorang individu sebagai seorang berkemahiran, berhaluan, boleh merancang dan menguruskan kehidupan sendiri serta boleh menyedari potensi sendiri sebagai individu dan seorang ahli masyarakat dijadikan matlamat utama.





## Nukilan Pena Ketua Pengarang......



*Para Pembaca yang dihormati,*

Majalah `TUNAS' yang pertama telah diterbitkan pada tahun 1962. Tidak dapat dinafikan bahawa penerbitan majalah sekolah amat wajar untuk menyalurkan detik-detik sejarah sekolah yang begitu istimewa dan perkembangan semasa sebuah sekolah yang pernah dihadiri oleh segolongan besar masyarakat cacat pendengaran di negara kita. FSD (Federation School for the Deaf) bukan sahaja berfungsi sebagai institusi pendidikan khas tetapi telah `menganakangkatkan' beribu-ribu pelajar-pelajar cacat pendengaran yang berasal dari seluruh pelusuk Malaysia sejak ditubuhkan pada tahun 1954.

Di sekolah yang berasrama penuh inilah, persahabatan erat terjalin, pelbagai ilmu dikecapi dan potensi pelajar diperkembangkan. Pihak swasta, organisasi-organisasi dan orang perseorangan juga bersama menyumbang kepada kemajuan sekolah dan bidang pendidikan khas bagi kanak-kanak cacat pendengaran. Di sebalik pencapaian dan kejayaan sekolah kita berdiri tegak barisan `pejuang' bagaikan tulang belakang sekolah. Di sinilah, dorongan, bimbingan dan nasihat dicurahkan tanpa mengira penat lelah. Barisan `pejuang' yang saya maksudkan ialah para pentadbir dan guru-guru yang pernah dan sedang berkhidmat di sekolah ini. SYABAS diucapkan.

AJK Penerbitan Majalah 1996 berharap majalah `TUNAS' kali ini membuka jendela ke alam kesunyian agar para pembaca dapat memperoleh sedikit sebanyak pengetahuan dan kesedaran akan suka-duka seorang insan yang tidak boleh mendengar. Kami juga berharap majalah ini dapat menjadi perangsang kepada ibu bapa, para pendidik, pelajar-pelajar dan masyarakat umum serta memenuhi citarasa setiap pembaca.

Buat pertama kalinya, grafik dan 'lay-out' majalah sekolah telah disediakan oleh pelajar-pelajar di bawah bimbingan En. Teh, Cik Nasikoh dan saya sendiri. Saya amat terharu dengan kesungguhan mereka untuk menghasilkan sebuah majalah yang menarik dan tersendiri.
Kami juga memohon jutaan maaf seandainya terdapat sebarang bentuk kekurangan dan kesilapan dalam majalah ini. Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tak terhingga atas sokongan dan kerjasama erat yang dihulurkan oleh Puan Pengetua, Pn. Yeoh Suan Choo dan Sidang Redaksi 1996. Sokongan dan sumbangan ikhlas daripada ibu bapa dan penderma-penderma juga sangat besar ertinya dalam penerbitan `TUNAS' kali ini.

Sebagai pengakhir bicara, terimalah seungkap kata-kata;

***"Deaf individuals suffer a lot more from our closed minds than they do from their closed ears."***

Sekian, terima kasih dan terus membaca....

# ISI KANDUNGAN


*Falsafah Pendidikan Khas* ..1
*Nukilan Pena Ketua Pengarang* ..2
*Sidang Redaksi* ..3
*Kata-Kata Aluan* ..4
*Pengetua-Pengetua Sekolah* ..9
*Sejarah Sekolah* ..10
*Kemudahan Sekolah* ..14
*Carta Organisasi Sekolah* ..16
*Staf Sokongan* ..16
*Gambar Guru-Guru* ..17
*Staf Pejabat* ..18
*Lembaga Pengawas* ..19
*Lembaga Pustakawan* ..20
*Perjuangan* ..21
*Sekali Imbas 1995/96* ..22
*Kelab Sosial (Guru-Guru)* ..25
*God's Special Child* ..26
*AKADEMIK* ..27
*VOKASIONAL* ..33
*SUKAN* ..37
*PERSATUAN & UNIT BERUNIFORM* ..47
*I Hear Your Hand* ..68
*KARYA PELAJAR* ..69
*Malaysian Sign Language* ..77
*Deaf Jokes* ..78
*Keratan Khas* ..80
*What Do You Know About Deafness?* ..84
*ASRAMA* ..85
*Lawatan & Pendermaan* ..88
*Selamat Bersara* ..89
*Temuramah Dgn. Pekerja Veteran Sekolah* ..90
*Hari Ucapan & Penyampaian Hadiah 1995* ..92
*FOTO KELAS* ..93
*Hari Guru 1996* ..108
*Semudah ABC* ..109
*Senarai Penderma* ..110
*Iklan-Iklan* ..112
*Kejohanan Sukan Orang Kurang Upaya Ke-VIII & Jemputan ASEAN 1996* ..123
*Autograf* ..124


# SIDANG REDAKSI TUNAS 96



*Berdiri dari kiri:* Samrah Zainal Abidin, Cik Siti Hajar Ishak, Goh Yeang Lik, En. Tan Eng Hong, Lim Mian Sheng, En.Koay Swee Beng, Ong Sze Yin, Tan Heng Bee.
*Duduk dari kiri:* En. Teh Kean Hoe, Cik Nasikoh Ismail, Cik Neoh Beng Ling, Pn. Yeoh Suan Choo, Pn. Chan Sew Lian, Pn. Gee Eng Fong, En. Mohd. Shaikh Hj. Hamzah
*Tidak hadir:* Cik Azawiyah Abdul Hameed, Geh Lih Kher

*Pengerusi:*
Pn. Yeoh Suan Choo
*Ketua Editor:*
Cik Neoh Beng Ling
*Setiausaha:*
En. Mohd. Shaikh Hj. Hamzah
*Bendahari:*
Pn. Gee Eng Fong
*Unit Penyelenggaraan Maklumat Sekolah:*
Pn. Chan Sew Lian
*Unit Pengiklanan:*
En. Koay Swee Beng,
Pn. Gee Eng Fong
*Unit Ko-Kurikulum:*
Cik Azawiyah Abdul Hameed
*Unit Fotografi:*
En. Tan Eng Hong
*Unit Bahasa Malaysia:*
Cik Siti Hajar Ishak
*Unit Bahasa Inggeris:*
En. Koay Swee Beng,
Cik Neoh Beng Ling
*Unit Grafik & 'Layout':*
En. Teh Kean Hoe,
Cik Nasikoh Ismail
Tan Heng Bee
Lim Mian Sheng
Ong Sze Yin
Geh Lih Kher
Goh Yeang Lik
Samrah Zainal Abidin

**JABATAN PENDIDIKAN KHAS,**
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA,**
**PARAS 5 BLOK J (SELATAN),**
**PUSAT BANDAR DAMANSARA,**
**50604 KUALA LUMPUR.**

Tel: 03-2556900
Fax: 03-2562389

# KATA-KATA ALUAN DARIPADA TIMBALAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada sidang redaksi Sekolah Menengah Pendidikan Khas, Pulau Pinang kerana berjaya menerbitkan majalan dwitahunan sekolah yang dikenali dengan nama " TUNAS 96 ".

Menjelang tahun 2000, pendidikan di negara kita akan mengalami banyak perubahan dan berhadapan dengan pelbagai cabaran untuk memasuki era kemantapan. Cabaran yang dihadapi oleh para pendidik adalah untuk melahirkan generasi baru yang berpengetahuan serta mahir dalam bidang sains dan teknologi untuk turut memberi sumbangan kepada pembangunan negara. Bagi para pendidik yang berkecimpung dalam bidang pendidikan khas mereka juga tidak ketinggalan untuk memainkan peranan bagi membentuk pelajar-pelajar kurang upaya supaya dapat memberikan sumbangan dalam pembangunan negara Malaysia yang tercinta ini.

Sebenarnya saya amat berbangga untuk menyatakan bahawa skeolah-sekolah khas pada masa sekarang tidak lagi berfungsi seperti rumah kebajikan pada masa lampau. Jika pada masa lampau, sekolah-sekolah khas menerima kanak-kanak cacat untuk diasuh dan dilatih supaya mereka dapat berdikari dan tidak terlalu membebankan mayarakat, namun sekolah-sekolah khas pada masa kini pula mendidik pelajar-pelajar kurang upaya memperkembangkan potensi dan keupayaan mereka, supaya mereka bukan sahaja mampu berdikari tetapi berupaya juga untuk memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara.

Sesungguhnya, saya berbangga dengan perkembangan dan kemajuan Sekolah Menengah Pendidikan Khas, Pulau Pinang. Sejak diasaskan pada tahun 1954, sekolah ini telah melahirkan beribu-ribu warganegara yang menceburkan diri dalam pelbagai bidang kerjaya seperti bidang pembinaan, perkilangan dan perniagaan. Tidak dapat dinafikan bahawa mereka turut memainkan peranan sebagai warganegara yang berguna dan produktif.

Oleh itu, adalah wajar kita melihat pelajar-pelajar istimewa ini bukan dari sudut kekurangan atau kelemahan yang ada pada mereka tetapi perlu dilihat dari segi potensi serta bakat yang dimiliki mereka untuk dikembang dan dimajukan supaya mereka menjadi individu yang bebas dan berdikari dalam erti kata yang sebenarnya.



( HJ. SABRI BIN SALLEH )
Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan,
Jabatan Pendidikan Khas,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

# KATA-KATA ALUAN DARIPADA KETUA UNIT PENDIDIKAN KHAS, JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PULAU PINANG



Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuh dan selamat sejahtera. Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan kurnianya Sekolah Menengah Pendidikan Khas Persekutuan Pulau Pinang telah berjaya menerbitkan Majalah dwitahunan yang keempat.

Syabas dan tahniah kepada pihak sekolah dan jawatankuasanya kerana berjaya menghasilkan majalah yang berkualiti dan sungguh bermakna.

Penerbitan majalah Tunas ini merupakan kesinambungan usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Dengan adanya majalah ini, dapat diberikan kesedaran kepada semua lapisan masyarakat betapa perlunya kerjasama dan amalan sikap penyayang agar kanak-kanak istimewa berpeluang menikmati pendidikan yang sama rata. Kasih sayang dan bimbingan yang lahir secara ikhlas akan menjadikan pendidikan khas di negara ini lebih mantap dan berkembang mengikut aspirasi negara yang setanding dengan pendidikan khas di negara-negara maju. Semoga penerbitan majalah ini menjadi peransang dan penggerak kepada guru-guru dan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Pendidikan Khas Persekutuan untuk mencapai matlamat serta berwawasan.

Sekian, terima kasih.

**ENCIK AZIZ BIN HASHIM**
**KETUA UNIT PENDIDIKAN KHAS,**
**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI, PULAU PINANG.**

# KATA-KATA ALUAN DARIPADA PENGERUSI LEMBAGA PENGELOLA SEKOLAH



Saya mengenali Sekolah Menengah Pendidikan Khas ini semenjak tahun 60an iaitu semasa saya menjadi Menteri Pelajaran di negara kita. Pada masa itu, sekolah ini bernama Federation School for the Deaf iaitu semenjak ditubuhkan oleh Toh Puan Lady E. M. Templer pada tahun 1954.

Sebagai sekolah yang mendidik pelajar-pelajar cacat pendengaran, saya memberikan perhatian khas kepada sekolah ini walaupun pentadbirannya adalah di bawah lembaganya sendiri yang bebas.

Pada masa itu sekolah ini terletak di Jalan Northam (sekarang ini Jalan Sultan Ahmad Shah) dan kawasannya adalah terhad. Pihak Lembaga Sekolah telah memikirkan bahawa sekolah ini patut dipindahkan ke kawasan yang lebih luas. Saya menyokong hasrat ini dan pihak lembaga sibuk mencari tempat yang baru.

Pada akhirnya, pihak Lembaga telah berunding dengan sahabat karib saya, Tuan Loh Boon Siew (kemudiannya mendiang Tan Sri) dan beliau telah mencadangkan tanahnya sendiri yang terletak di Tanjong Bungah (tempat sekarang). Selepas perundingan yang berpanjangan, pihak Lembaga bersetuju dengan tapak baru itu dan akhirnya terbinalah bangunan sekolah baru dan berpindah ke tempat sekarang ini.

Semenjak penubuhannya, sekolah ini telah diiktiraf sebagai sekolah khas untuk anak-anak pekak yang terbesar di seluruh negara dan penuntut-penuntutnya datang dari seluruh negara. Di bawah peraturan baru, sekolah ini dinamakan Sekolah Menengah Pendidikan Khas.

Pelajar-pelajar di sekolah ini mempelajari mata pelajaran-mata pelajaran khas di samping mata pelajaran-mata pelajaran biasa dan mereka diberi tempat tinggal dan makan percuma oleh pihak sekolah.

Di seluruh Malaysia, sekolah ini adalah satu-satunya sekolah yang memberikan layanan penuh kepada anak-anak yang pekak.

*Tan Sri Mohd. Khir Johari, JMN*
*Pengerusi,*
*Lembaga Pengelola,*
*Sekolah Menengah Pendidikan Khas,*
*Pulau Pinang.*



*Dari kiri:*
Pn. Looi Chooi Fong, Pn. Ung Siew Ngoh, Cik Samsoon Ali, En. Chan Kow Kniah, Pn. Loh Yee Fong, Pn. Yeoh Suan Choo, Cik Ng Su Har, En. Teh Kean Hoe, Cik Neoh Beng Ling

**PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU-GURU (PIBG)**

| | |
|---|---|
| Pengerusi: | Pn. Loh Yee Fong |
| Naib-Pengerusi: | En. Chan Kow Kniah |
| Setiausaha: | Cik Samsoon Ali |
| Bendahari: | En. Teh Kean Hoe |
| Ahli Jawatankuasa: | En. Tan Jeng Lock |
| | Pn. Ooi Theam San |
| | En. A. Razak Taha |
| | En. Fan Ah Wah |
| | Pn. Ung Siew Ngoh |
| | Cik Ng Su Har |
| | Pn. Looi Chooi Fong |
| Juruodit: | Pn. Chan Phan Ching |
| | Cik Neoh Beng Ling |

**KATA-KATA ALUAN DARIPADA PENGERUSI PERSATUAN IBU BAPA & GURU-GURU**

*I am very glad to be given this opportunity to pen a few words. As chairman of the school PIBG, I am happy to see that the school has progressed. During my two years of chairmanship, the PIBG has sponsored funds for the Study Camp at Penang Hill organised by the Counselling and Guidance Committee and to buy presents for the Bahasa Malaysia programme. Last year we were also able to purchase a colour printer for the Computer Club.*

*Lastly, I would like to thank the Committee Members of the PIBG for their help and I also hope to achieve further success in our future projects.*

*Thank you.*

# KATA-KATA ALUAN DARIPADA PENGETUA



Menerbitkan majalah sekolah bukanlah suatu tugas yang mudah. Adalah merupakan suatu cabaran bagi sekolah Menengah Pendidikan Khas untuk menerbitkan sebuah majalah yang berkualiti. Sehubungan dengan itu, terima kasih dan tahniah diucapkan kepada Sidang Redaksi majalah ini di atas segala usaha mereka itu. Guru-guru dan pelajar-pelajar yang terlibat menerbitkannya telah meluangkan banyak masa, namun segala usaha gigih mereka telah berjaya membuahkan hasil yang dianggap bermutu iaitu majalah sekolah dwitahunan 1995/1996. Dengan penerbitan majalah sekolah buat kali ketiga ini, segala aktiviti dan pencapaian pelajar-pelajar dalam bidang akademik mahupun bidang kokurikulum sepanjang 2 tahun kebelakangan ini dapat dipaparkan.

Fungsi kewujudan Sekolah Menengah Pendidikan Khas sememangnya berbeza daripada sekolah normal. Namun objektif semua sekolah adalah sama iaitu untuk mendidik para pelajar agar mereka menjadi rakyat yang berwawasan, berdikari dan berguna kepada bangsa dan tanah air. Maklamat sekunder sekolah pendidikan khas adalah untuk membimbing para pelajar yang kurang bernasib baik ini menyesuaikan diri dalam masyarakat. Besarlah harapan sekolah agar masyarakat Malaysia bersedia menerima para pelajar kami tanpa keraguan sebagaimana manusia umum dan memberikan kepada mereka peluang yang sama dalam semua lapangan.

Selain daripada itu, Lembaga Pengelola dan PIBG sekolah setakat ini telah memainkan peranan yang aktif dalam perkembangan dan pengurusan sekolah ini. Di sini, ingin saya ambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mereka. Kepada para dermawan, jabatan-jabatan kerajaan dan swasta dan orang ramai yang prihatin yang telah memberikan sumbangan dan sokongan kepada sekolah ini, pihak sekolah tidak lupa mengucapkan mengucapkan jutaa terima kasih.

*Puan Yeoh Suan Choo*
*Pengetua,*
*Sekolah Menengah Pendidikan Khas,*
*Pulau Pinang*

# PENGETUA-PENGETUA SEKOLAH



Miss J.M. Hickes
(1954 - 1961)



Dato' Saleena Yahaya Isa
(1961 -1987)



Encik Francis Chai Voon Onn
(1987 -1990)



Puan Chan Sew Lian
(1992 - 1995)



Puan Yeoh Suan Choo
(1995 - sekarang)

# MENYELAMI SEJARAH SEKOLAH.....

## PENGASASAN SEKOLAH (1952-1954)



*Dr. C.E.Field*

Nasib kanak-kanak cacat pendengaran di tanah air mula berubah pada tahun 1952 kerana initiatif seorang pakar kesihatan kanak-kanak pada masa itu, Dr. C.E. Field. Dr. Field sedar bahawa kanak-kanak cacat pendengaran ini juga mempunyai hak untuk mendapatkan pendidikan seperti kanak-kanak biasa. Lantaran itu, beliau memaklumkan hakikat itu kepada Lady Templer yang mengadakan lawatan rasmi ke Pulau Pinang ketika itu.

Toh Puan Lady Templer, isteri Pesuruhjaya Tinggi Malaya telah berusaha mengadakan suatu mesyuarat khas di Residensi, Pulau Pinang pada 9 Disember 1952. Hasilnya, jawatankuasa rayuan telah ditubuhkan untuk menerima sumbangan wang bagi tujuan pembinaan sebuah sekolah khas.



*Federation School for the Deaf, Penang (1954)*

Maka pada tahun 1954, Sekolah Kanak-Kanak Pekak Persekutuan Pulau Pinang (Federation School for the Deaf atau FSD, Penang) dibuka secara rasmi di No. 47, Jalan Northam Pulau Pinang.(sekarang Kelab Maplegold di Jalan Sultan Ahmad Shah). FSD merupakan sekolah terulung di seluruh Malaya yang memberikan peluang pendidikan kepada kanak-kanak pekak. Walau bagaimanapun, pendidikan yang dibekalkan pada ketika itu hanya setakat peringkat rendah sahaja.

En. R.P. Bingham, Residen Commissioner Pulau Pinang menyokong penuh penubuhan sekolah ini dan telah banyak berjasa pada sekolah ini pada tahap awalnya. Beliau merupakan pengerusi Lembaga Pengelola Sekolah yang pertama dan telah berkhidmat selama 3 tahun.

## SEKOLAH PADA PERINGKAT AWAL (1954-1961)

Cik J. M. Hickes dilantik sebagai pengetua pertama Sekolah Kanak-Kanak Pekak Persekutuan. Sekolah ini yang hanya mempunyai 7 orang pelajar dan 2 orang guru pada mulanya telah berkembang pesat. Umur pendaftaran kemasukan ke sekolah tidak ditetapkan. Ada kanak-kanak pekak yang memasuki sekolah pada usia 3 atau 4 tahun. Menjelang tahun 1959, bilangan pelajar meningkat kepada 60 orang. Murid-murid yang tamat Darjah 6 diajar kemahiran secara tidak rasmi seperti membuat bakul dan penggantung baju ataupun menjahit kerana kerajaan tidak menyediakan pendidikan peringkat menengah untuk kanak-kanak cacat pendengaran pada masa itu.

## KE ARAH PENDIDIKAN PERINGKAT MENENGAH (1961-1970)

Dalam peringkat awal penubuhan sekolah FSD, muncul seorang gadis sukarelawan yang bertugas sebagai Setiausaha Kehormat Lembaga Pengelola Sekolah, Cik Lee Kooi Jong (kini dikenali sebagai Dato' Saleena Yahaya Isa). Cik Hickes yang terkagum dengan minat Cik Lee dalam pendidikan dan kebajikan kanak-kanak cacat pendengaran kemudiannya mempelawa beliau menjadi guru di sekolah ini.

**Memperkenalkan Latihan Vokasional.....**

Pada tahun 1961, Cik Lee telah dilantik menjadi pengetua selepas Cik Hickes meletakkan jawatan. Di bawah kepimpinan dan pentadbiran pengetua baru, FSD telah mengorak langkah dan bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran baru. Cik Lee telah berunding dengan taukeh-taukeh dari pejabat-pejabat ukurtanah, syarikat-syarikat membuat mesin taip, kedai-kedai gunting rambut dan kedai-kedai menjahit agar membenarkan pelajar-pelajar yang tamat Darjah 6 mempelajari kemahiran-kemahiran kerja tertentu di tempat-tempat

berkenaan. Inilah satu-satunya langkah pertama ke masa depan yang cerah untuk golongan cacat pendengaran di negara kita. Cik Lee sedar bahawa pelajar-pelajar cacat pendengaran perlu dilengkapi dengan sesuatu kemahiran sebelum meninggalkan bangku sekolah supaya mereka dapat hidup berdikari.



*Pelajar-pelajar mempelajari teknik membaiki mesin taip di luar sekolah.*

**Berjuang Untuk Pendidikan Peringkat Menengah......**

Pendidikan peringkat menengah tidak disediakan untuk golongan cacat pendengaran pada ketika itu. Pihak berkenaan tidak memberikan kebenaran kerana pelajar-pelajar cacat pendengaran dianggap tidak berkemampuan untuk belajar sampai tahap menengah. Walau bagaimanapun, Puan Saleena (Cik Lee) telah mencari jalan keluar iaitu membahagikan masa persekolahan peringkat rendah kepada Kelas 1 hingga Kelas 10 dan bukannya Darjah 1 hingga Darjah 6. Dengan cara ini, pelajar-pelajar yang tamat 6 tahun persekolahan masih dapat meneruskan pelajaran ke kelas 7, 8, 9 dan 10. Kelas-Kelas 7, 8, 9 dan 10 juga didedahkan kepada latihan vokasional selepas waktu persekolahan. Setiap hari jam 2 petang, pelajar-pelajar ini dihantar ke tempat-tempat berkenaan untuk menjalani 'On-The-Job Training'.

Sementara itu, Pn. Saleena telah mendaftarkan sekumpulan pelajar untuk menduduki Peperiksaan L.C.E. pada akhir tahun 1969. Beliau menasihatkan guru-guru sekolah bekerja keras mengajar pelajar-pelajar tersebut. Usaha beliau dan guru-gurunya tidaklah sia-sia. **FSD telah mencatat sejarah dengan mendapat kelulusan 100% dalam Peperiksaan L.C.E. pada tahun 1969! Pelajar-pelajar cacat pendengaran telah membuktikan kemampuan mereka. Justeru itu, FSD mendapat kelulusan rasmi untuk memberikan pendidikan peringkat menengah kepada kanak-kanak cacat pendengaran pada 1970.**



*Golongan pelajar pertama yang berjaya dalam peperiksaan L.C.E. Eleanor Culas (kiri) dan Chung Kim Cheong (kanan) bergambar bersama dengan Toh Puan Lady Templer*

**FSD Hampir Dibubarkan Pada Tahun 1965.......**

Dalam arus pergolakan untuk pendidikan yang lebih tinggi, FSD telah bertembung dengan masalah lain. Premis di Jalan Northam didapati tidak dapat menampung bilangan pelajar yang semakin meningkat. Maka Lembaga Pengelola sekolah pun berikhtiar untuk mencari tempat yang sesuai bagi pembinaan bangunan sekolah yang baru.

Akhirnya pada tahun 1963, ditemui sebidang tanah seluas 12 ekar di Jalan Lembah Permai, Tanjung Bungah. Tanah ini dibeli daripada Penang Realty Ltd. dengan harga 65 sen sekaki persegi. Tuan Loh Boon Siew (kemudian mendiang Tan Sri), pengarah Penang Realty Bhd. menyumbangkan 15 sen sekaki persegi dan sekolah hanya membayar 50 sen sekaki persegi. Kementerian Pembangunan Luar Bandar pula menyumbangkan $500,000.00 bagi pembinaan sekolah baru. Seterusnya, bangunan sekolah di Jalan Northam dijual dengan harga $340,000.00 untuk mendapatkan wang bagi pembangunan sekolah baru. Mengikut persetujuan dengan pembeli, pihak sekolah dibenarkan terus menggunakan bangunan lama itu selama dua tahun sehingga sekolah baru siap dibina pada tahun 1965 seperti yang dijangkakan. Walau bagaimanapun, malangnya, kerja-kerja pembinaan sekolah baru telah tergendala kerana



*Toh Puan Lady Templer, Tan Sri Loh Boon Siew, pengetua Puan Saleena dan ahli lembaga sedang mengunjungi premis sekolah yang baru di Tanjung Bungah. (1965)*

masalah setinggan yang merangkumi 23 keluarga di kawasan tanah baru. Setinggan enggan berpindah dan pihak Lembaga Pengelola sekolah gagal mencapai persetujuan dengan para setinggan. Pergelutan dengan para setinggan berlanjut sehingga tahun 1965 dan seperti yang disetujui dahulu, sekolah terpaksa berpindah keluar dari bangunan lama di Jalan Northam. Jadi, pada tahun 1965, FSD dan kanak-kanak pekak dari seluruh pelusok Tanah Melayu menghadapi krisis iaitu tiada tempat untuk meneruskan persekolahan. ***Lembaga Pengelola mencadangkan agar sekolah ditutup sehingga masalah tersebut diselesaikan dan sekolah baru siap dibina. Akan tetapi pengetua sekolah, Dato' Saleena berpendapat bahawa "A child's loss of 1 day's education cannot be restored. Imagine if it's years....."***

Atas kebenaran kata-kata ini, Dato' Saleena telah berusaha sedaya upaya mencari tempat tumpangan sementara menunggu sekolah baru siap dibina. Akhirnya, Penyelia Sekolah-Sekolah Cina ketika itu telah membenarkan sekolah kita menggunakan bilik-bilik darjah SRJK(C) Shih Chung pada waktu petang. Masalah asrama juga dapat diselesaikan dengan menempatkan pelajar-pelajar lelaki di Rumah Kebajikan di sebelah Hotel E & O manakala pelajar-pelajar perempuan ditempatkan di Poh Leung Kok (kini Cheshire Home). Bahagian pentadbiran terpaksa meminjam tempat di Pejabat Pemegang Amanah di Mahkamah Agung. Selepas 6 bulan sekolah kita bercerai-belai, akhirnya bertemu semula di Poh Leung Kok apabila diberi kebenaran untuk menggunakan keseluruhan premis tersebut sebagai sekolah.



*Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia merasmikan bangunan baru sekolah di Tanjung Bungah*

**Berpindah ke Premis Baru & Menjadi Sekolah Kerajaan.......**

Selepas pengubahsuaian pelan sekolah baru agar tidak mengganggu kebanyakan setinggan yang berada di tanah tersebut dan perbincangan teliti dengan 2 keluarga setinggan yang terlibat, pembinaan sekolah diteruskan dengan lancar. ***Akhirnya bangunan sekolah baru dibuka secara rasmi oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al- Haj, Perdana Menteri Malaysia pada 1969. FSD kini menjadi sebuah sekolah kerajaan.***

## KAEDAH LISAN KEPADA KOMUNIKASI SELURUH (1970an)

Prestasi pelajar-pelajar cacat pendengaran dalam bidang akademik mahupun vokasional semakin meningkat. Pada mulanya, pelajar-pelajar Tingkatan 4 dan 5 terpaksa diintegrasikan ke sekolah-sekolah biasa seperti Sek. Men. Jelutong dan Sek. Men. Tanjung Bungah di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, program ini tidak membawa manfaat kepada pelajar-pelajar kita dan akhirnya FSD juga memberikan pendidikan menengah atas kepada mereka yang lulus L.C.E./S.R.P.

Eleanor Culas merupakan penuntut FSD yang pertama yang berjaya melanjutkan pelajaran ke Universiti Gallaudet di Washington, Amerika. Beliau sangat terharu dengan 'Manual Signs' yang digunakan oleh masyarakat cacat pendengaran di Amerika dan yakin bahawa kaedah berkomunikasi ini akan menguntungkan masyarakat cacat pendengaran di Malaysia juga. Apabila Profesor Parson dari universitinya melancong mengelilingi dunia, Eleanor telah menyuruh Profesor Parson berhenti sejenak di Malaysia dan berkongsi kaedah 'Manual Signs' dengan guru-guru di FSD.

Selepas menyakinkan Dato' Saleena dan guru-gurunya bahawa kaedah ini dapat meningkatkan lagi pemahaman dan penguasaan bahasa kanak-kanak cacat pendengaran, Profesor Parson telah mengadakan Kelas Komunikasi Seluruh yang memperlihatkan 'Manual Signs' untuk guru-guru FSD pada waktu petang selama sebulan. Beliau juga sempat bertemu dengan Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir, Menteri Pendidikan pada masa itu dan membincangkan kelebihan kaedah Komunikasi Seluruh untuk kanak-kanak cacat pendengaran. Sebuah 'Pilot Class' menggunakan Kaedah Komunikasi Seluruh dimulakan di FSD hasil daripada pertemuan tersebut. Kelas ini diberikan masa 5 tahun untuk menguji keberkesanannya. Selepas percubaan selama 3 tahun, pencapaian murid-murid dari kelas tersebut jauh lebih baik daripada murid-murid dari kelas lisan.

*Akhirnya pada tahun 1978, Kementerian Pendidikan telah mengarahkan agar Kaedah Lisan diganti dengan Kaedah Komunikasi Seluruh yang merangkumi `Manual Signs', ejaan jari, pertuturan, membaca bibir, air muka dan pergerakan badan.* Dengan implementasi kaedah tersebut, guru-guru FSD telah mengadakan kelas `Manual Signs' untuk guru-guru khas cacat pendengaran dari seluruh pelusuk Malaysia di SEOMEO-RECSAM, Pulau Pinang.

## PERKEMBANGAN SEKOLAH (1980an)

**Pelancaran Tadika Khas Pada Tahun 1985...**

Pada peringkat awal, usia kemasukan ke FSD tidak ditetapkan. Walau bagaimanapun, semenjak FSD diisytiharkan sebagai sekolah kerajaan, umur kemasukan ke sekolah ditetapkan pada usia 7 tahun seperti sekolah lain. Tiada peruntukan diberikan untuk memulakan tadika. Atas kesedaran bahawa pendidikan kanak-kanak cacat pendengaran harus dimulakan seawal mungkin maka pihak pentadbiran sekolah berikhtiar mendapatkan bantuan daripada UNESCO Jepun untuk melancarkan kelas tadika pada tahun 1985.

**Persaraan Pengetua Puan Saleena Yahaya Isa (1987)**



Pengetua Puan Saleena Yahaya Isa yang telah berkhidmat selama 33 tahun di FSD bersara pada tahun 1987. Sebagai seorang pendidik yang paling berdedikasi, dan berjasa murni, segala usaha beliaulah yang telah membawa kepada kemajuan pendidikan khas untuk kanak-kanak pekak di Malaysia. Sepanjang perkhidmatan beliau, kita dapat melihat "keberanian" beliau mengubah pandangan umum dan menegakkan "kebenaran". Boleh kita katakan bahawa beliau merupakan peneroka untuk setiap tahap perkembangan pendidikan untuk pelajar-pelajar pekak. Jadi wajarlah beliau dianugerahkan gelaran Tokoh Guru pada tahun 1987 dan gelaran Dato' pada tahun 1992.

**FSD dipecahkan kepada 2 sekolah pada tahun 1987.....**

Oleh kerana bilangan pelajar berlipat ganda dan bagi menyenangkan penyelenggaraan pentadbiran, FSD dipecahkan kepada Sekolah Rendah Pendidikan Khas, Tanjung Bungah Pulau Pinang dan Sekolah Menengah Pendidikan Khas, Pulau Pinang pada tahun 1987 selepas persaraan Puan Saleena. Sekolah rendah diketuai Cik Khoo Seok Mei sedangkan sekolah menengah diketuai Encik Francis Chai Voon Onn.

**Pembinaan Blok Vokasional Saleena 1988.....**

Sebelum bersara, Puan Saleena telah mengunjungi Jepun dan berjaya memperoleh sumbangan sejumlah $160,00.00 daripada UNESCO, Jepun. Dengan bantuan kewangan ini, satu blok vokasional telah didirikan untuk menampung keperluan infrastuktur bagi aliran vokasional di bawah pengelolaan pengetua baru, En. Francis. Pada tahun 1988, blok vokasional ini dibuka secara rasmi oleh Y.A.B. Dato' Seri Anwar Ibrahim, Menteri Pendidikan Malaysia ketika itu. Blok vokasional ini dinamakan Blok Vokasional Puan Saleena Yahaya Isa untuk mengingati jasa bekas pengetua.

## SEKOLAH MENENGAH PENDIDIKAN KHAS PULAU PINANG PADA 1990an

Pn. Chan Sew Lian telah dilantik sebagai pengetua Sekolah Menengah Pendidikan Khas Pulau Pinang pada tahun 1992. Di bawah kepimpinan beliau, kemudahan sekolah telah dipertingkatkan lagi bagi melicinkan proses pengajaran dan pembelajaran, misalnya pemasangan skrin dan `overhead projector' di setiap kelas. Kelas formal Literasi Komputer untuk Tingkatan 1 dan 2 dilaksanakan pada tahun 1993 agar pelajar-pelajar diberi pendedahan dan peluang untuk menceburi bidang pengkomputeran selepas meninggalkan bangku sekolah.

**Sekolah Menengah Pendidikan Khas Pulau Pinang diistiharkan sebagai Sekolah Gred A pada 1994!**

Perkembangan pesat di sekolah dan bilangan penuntut yang semakin ramai menyebabkan sekolah kita layak menjadi sekolah Gred A. Dengan kenaikan taraf ini, seorang pengetua baru, Pn. Yeoh Suan Choo dilantik pada akhir tahun 1995 dan beliau masih berkhidmat di sekolah kita.

Awal tahun 90-an memperlihatkan kadar pengintegrasian pelajar-pelajar cacat pendengaran sekolah ini dengan masyarakat luar kian meningkat. Sebagai contoh, penglibatan pelajar-pelajar dalam pertandingan sukan, olahraga, komputer, tarian dan sebagainya. Penglibatan mereka dalam pertandingan-pertandingan di peringkat daerah, negeri dan negara telah membuka mata masyarakat seluruhnya tentang keupayaan sebenar pelajar-pelajar cacat pendengaran.

# Kemudahan



Bilik ERT →

Bilik Seni Lukis

Kolam Renang →

Bilik Darjah →

← Blok Vokasional

Pusat Sumber →

← Dewan Besar

Kedai Koperasi →

← Padang Bola Sepak

# Sekolah



← Gelanggang bola Keranjang/tampar

Bilik Guru

↖ Bilik Jahitan

Bilik Audiologi →

↙ Bilik Pemulihan

Makmal Komputer →

↙ Surau

Makmal Sains →




## STAF SOKONGAN SMPK



*Barisan hadapan dari kiri:* En. Yeoh Hock Kheng PJM PK, En. Abdul Samat Hashim, Pn. Chan Yoke Khuan, En. Wong Pek Seng, Pn. Yeoh Suan Choo, Pn. Chan Sew Lian, Pn. Siti Bedah Abdullah, Pn. Noriha Abdul Ghani, En. Chung Kim Cheong
*Barisan belakang dari kiri:* Pn. Salmah Md. Isa, En. Megat Hussin Megat Ahmad, En. Ivor Boudville, En. Muzamil Haji Othman, En. S. Kumarasamy, En. Jamil Abdullah, En. Mohd. Salim Ismail, En. Ahmad Mustapa Omar
*Tidak Hadir:* En. Md. Fazli Ismail, En. Razali Hussin, En. Mohideen Ghani Mohd. Hussain, Pn. Aidah Ibrahim, Pn. Bernadette Chin Chwee In, Cik Ang Chuan Lin, Pn. Halipah Osman, Cik Khoo Teik Eng, Pn. Wan Teh Ibrahim, En. Omar Abu Bakar, En. Shapee Lah

# GURU-GURU SEKOLAH MENENGAH PENDIDIKAN KHAS PULAU PINANG 1996



**Barisan belakang dari kiri:** En. Tan Eng Hong, Cik Neoh Beng Ling, En. Teh Kean Hoe, En. Chan Kow Kniah, Cik Ashni bt. Md. Hasim, Cik Azawiyah Abdul Hameed, Cik Noor Hasniza Mohd. Zainul, Cik Hema Malini a/p Mathavan, Cik Nasikoh Ismail, Cik Sabrina bt. Rosely, En. Nor Azam Ismail, Ustaz Yusoff b. Arshad, En. Selvam a/l Thondaya.

**Barisan tengah dari kiri:** Pn. Paziah Abdul Wahab, Cik Ho Swee Yaw, Cik Ng Su Har, Pn. Ung Siew Ngoh, Cik Samsoon Ali, Pn. Noor Zaida Mohd. Zainul, Pn. Faridah Matt Lazim, Pn. Looi Chooi Fong, Pn. Tjoeng Pit Chin, Cik Lin Kuan Heng, Cik Teh Bee Keow, Pn. Teoh Hong Kew, Cik Siti Hajar Ishak, Cik Lagiah Jupri.

**Barisan hadapan dari kiri:** En. Lim Chee Boon, En. Kok Sum Choong, Pn. Ong Mun Wah, En. Michael Choong (Guru Kanan Kemanusiaan), Cik Loo Huck Huang (Guru Kanan Sains), En. Wong Pek Seng (Penolong Kanan Hal Ehwal Murid), Pn. Yeoh Suan Choo (Pengetua), Pn. Chan Sew Lian (Penolong Kanan Pentadbiran), En. Mohd Shaik Hj. Hamzah (Guru Kanan Bahasa), En. Koay Swee Beng, En. Tan Cheng Lim, Pn. Gee Eng Fong.

# STAF PEJABAT



Encik Abdul Samat Hashim
*Penyelia Asrama*



Encik Md. Fazli Ismail
*Pembantu Tadbir*



Cik Noriha Abdul Ghani
*Pembantu Makmal*



Encik Razali Hussin
*Pembantu Tadbir Rendah*



Encik Muzamil Haji Othman
*Pelayan Pejabat*



Encik Mohideen Ghani Md. Hussain
*Pembantu Am Rendah*



Puan Chan Yoke Khuan
*Pembantu Tadbir (Lembaga)*



Encik Ivor Boudville
*Pegawai Kerani Akaun (Lembaga)*



*Barisan hadapan dari kiri:*
Rashidah bt.Yusof, Tan Heng Bee, En. Michael Choong, En. Wong Pek Seng, Pn. Yeoh Suan Choo, Pn. Chan Sew Lian, Cik Samsoon Ali, Wong Jan Eik, Kassim Abdullah.
*Barisan-belakang dari kiri:*
Ting Li Na, Wan Lai Mun, Lee Bee Fung, Henry Jeyaraj, Mah Chung How, Rickmen Mijeh, Pheh Chin Chuan, Tay Chin Peng, Mohd Sabri, Mohd Khairul Affendi, Khoo Cheah Loo, Haslina Mohd Dali

**LEMBAGA PENGAWAS**

| | |
|---|---|
| Guru Disiplin: | En. Michael Choong |
| | Cik Samsoon Ali |
| Ketua Pengawas: | Wong Jan Eik |
| Penolong Ketua Pengawas: | Tan Heng Bee |

## UCAPAN WAKIL PELAJAR

***oleh Tan Heng Bee, Tingkatan 5A***

Sekolah kita telah ditubuhkan sejak tahun 50-an kerana initiatif, sokongan dan sumbangan daripada pihak awam. Kami, pelajar-pelajar Sekolah Menengah Pendidikan Khas sangat terharu dan berterimakasih kepada semua pihak yang telah memberi peluang kepada kami untuk menerima pendidikan seperti kanak-kanak biasa.

Jumlah pelajar semakin meningkat di sekolah kita. Pelajar-pelajar datang dari seluruh SemenanjungMalaysia dan ada yang menyeberangi Laut Cina Selatan seperti Malaysia Timur dan Brunei Darussalam. Tujuan pelajar-pelajar pekak hadir ke sekolah adalah untuk belajar berkomunikasi dengan ibu bapa mereka dan orang ramai. Di samping itu, mereka dapat menimba pengetahuan kerana adanya guru-guru khas yang berdedikasi dan mahir berisyarat.

Hanya segolongan kecil masyarakat pekak yang berkelulusan ijazah dari Universiti Sains Malaysia ataupun `Gallaudet University' di U.S.A. Saya mendapati kebanyakan bekas pelajar bekerja sebagai kerani, pelukis pelan, pekerja kilang dan pekerja hotel. Saya berharap guru-guru dan masyarakat di luar dapat membantu kami mencapai kejayaan yang lebih cemerlang dalam kehidupan. Saya yakin kami dapat turut menyumbangkan tenaga demi pembangunan negara.



*Barisan hadapan dari kiri:*
Lim Siang Huat, Cik Lin Kuan Heng, Pn. Paziah Abd. Wahab, En. Wong Pek Seng, Pn. Yeoh Suan Choo, Pn. Chan Sew Lian, Pn. Ung Siew Ngoh, Seow Chin Poh, Teoh Lay San.
*Barisan belakang dari kiri:*
Chin Siew Chen, Loh Sock Leng, Fong Lee Wei, Khoo Eng Hong, Teoh Boon Wah, Goh Yeang Lik, Tan Gim Guan, Goay Chin Sion, Lim Beng Seong, Teoh Hooi Hooi, Tai Yen Ting, Premla A/P Rajagopal

## LEMBAGA PUSTAKAWAN

| | | |
|---|---|---|
| Guru Penasihat | : | Puan Paziah Abdul Wahab |
| | | Puan Ung Siew Ngoh |
| | | Cik Lin Kuan Heng |
| Pengerusi | : | Koid Weng Chee |
| Setiausaha | : | Azlina Ahmad |
| Ahli Jawatankuasa | : | Tan Hui Hui |
| | | Teoh Lay San |
| | | Mohd. Samawi Sulaiman |

***Aktiviti:***

Perjumpaan diadakan seminggu sekali pada setiap hari Rabu. Pelajar-pelajar dikehendaki berkumpul di bilik perpustakaan pada jam 4.00 petang hingga 6.00 petang. Pustakawan-pustakawan atau ahli-ahli kelab perpustakaan diajar cara memproses buku yang baru dibeli dan menyusun buku mengikut nombor pengkelasan masing-masing.

Ahli-ahli perpustakaan diminta bekerjasama dalam usaha mencantikkan perpustakaan. Ini termasuklah menggunting artikel-artikel dari akhbar dan menampalnya di papan notis sebagai bahan tatapan pelajar-pelajar lain.

Antara aktiviti-aktiviti yang lain ialah membuat buku-buku skrap sebagai bahan rujukan bila perlu dan mengadakan pertandingan mencari maklumat antara ahli-ahli kelab. Tujuannya supaya ahli-ahli mengetahui setiap perkara tentang perpustakaan.

## PERJUANGAN

*Biarpun kami*
*Gelap di bawah sinar purnama*
*Sepi dalam lingkaran suara*
*Payah menyusuri jejak-jejak kehidupan*
*Namun kami pasrah*
*Kerana pasti -*
*Ada hikmah yang tersirat*

*Akan kami tembusi tembok pemisah*
*Menyatukan dua dunia yang memang satu*
*Melahirkan hasrat menjadi hakikat*
*Bergandingan menjejak seri kehidupan*
*Dengan satu tekad*
*Dengan satu harapan*
*Membina kehidupan penuh gemilang!!!*



## SEKALI IMBAS 1995 - 1996

| TARIKH | AKTIVITI | PENCAPAIAN/CATATAN |
|---|---|---|
| 7/1/95 | Pertandingan Matematik anjuran Jabatan Matematik, USM | Pelajar-pelajar Tg. 5 diberi pendedahan. |
| 10/1/95 | Perlawanan Persahabatan Bola Jaring dengan S. M. Perempuan Methodist, P. Pinang. | SMPK lwn MGS<br>36 : 41 |
| 23-25/1/95 | Kejohanan Olahraga MSSPP | Memenangi 1 emas, 2 perak & 1 gangsa |
| 14/3/95 | SUKAN TARA | |
| 20-22/3/95 | Perlawanan Badminton MSSPP | Mengambil bahagian |
| 20-24/3/95 | Perlawanan Bola Jaring MSSPP | Tempat Ketiga dalam Zon Kelawai |
| 27-29/3/95 | Perlawanan Bola Sepak MSSPP | Mengambil bahagian |
| 27/3/95 | Lawatan Sambil Belajar ke Kilang Elektronik Thompson anjuran Bahagian Kebajikan & Kaunseling | Memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar menengah atas |
| 1/4/95 | Seminar Kesedaran Pengguna anjuran JPN | Pelajar-Pelajar Tg. 5 diberi pendedahan. |
| 6/4/95 | Lawatan Sambil Belajar ke Kilang Motorola anjuran Bahagian Kebajikan & Kaunseling | Memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar menengah atas |
| 8/4/95 | TEMASYA SUKAN SEKOLAH 1995 | |
| 13/4/95 | Lawatan Sambil Belajar ke Kilang B. Braun anjuran Bahagian Kebajikan & Kaunseling | Memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar menengah atas |
| 8, 11/5/95 | Ceramah Keselamatan Jalan Raya oleh Pegawai Majlis Keselamatan Jalan Raya P. Pinang anjuran Kelab Keselamatan Jalan Raya | Memberikan kesedaran dan pengetahuan am kepada semua pelajar |
| 19/5/95 | Mesyuarat Agung PIBG SMPK | |
| 5-9/6/95 | Ekspo Pendidikan Khas di Muar, Johor | Johan bagi Perlawanan Bola Sepak, Bola Jaring & Badminton |
| 5-9/6/95 | Latihan Pusat di Pusat Antarabangsa, Cheras, Kuala Lumpur sebagai persiapan untuk persembahan di luar negara | 10 orang pelajar telah dipilih untuk menjalani latihan |
| 17/6/95 | Majlis Ramah Mesra sempena Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong | Pelajar-pelajar dijemput |
| 21/6/95 | Bengkel di Kolej Damansara Utama, P.Pinang sempena "Caring Week" anjuran kolej tersebut | 6 orang pelajar Tingkatan 4 mengambil bahagian dalam bengkel dan guru-guru Bahagian Kebajikan & Kaunseling menjadi penceramah-penceramah |
| 23-24/6/95 | Pertandingan Lalu Lintas anjuran Persatuan Keselamatan Lalu Lintas P. Pinang | 17 orang pelajar dari Kelab Keselamatan Jalan Raya mengambil bahagian. Seorang pelajar memenangi hadiah Pejalan Kaki terbaik. |
| 24/6/95 | "Food Fair & Talentime" sempena "Caring Week" di Kolej KDU, P. Pinang | Persembahan Aerobik oleh ahli-ahli Kelab Aerobik |
| 1/7/95 | Encik Shaifullah b. Abdullah @ Yeng Weng Lum bersara pilihan. Beliau telah berkhidmat di sekolah ini selama 15 tahun, iaitu bermula pada 1/1/1981 | |
| 11-14/7/95 | Pertandingan & Pameran Komputer 1995 di SEOMEO-RECSAM anjuran JPN, AMD, SEOMEO-RECSAM, IPG & PERC-MNCC.<br>Kelab Komputer SMPK memasukkan dua projek untuk pertandingan | Projek 'Kamus Bergambar Kod Tangan Bahasa Melayu' mendapat Hadiah Pertama & Projek 'Jenis Pembahagian Sel' mendapat Hadiah Ketiga |
| 23/7/95 | Perayaan Hari Jadi TYT Yang di-Pertua Negeri P. Pinang anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat | Tarian Gadis Sarawak oleh Kelab Kebudayaan |

| | | |
|---|---|---|
| 5/8/95 | Perayaan Ulang Tahun Persatuan Bulan Sabit Merah di Hotel Equatorial, P. Pinang. | Pelajar-pelajar dijemput membuat persembahan. i) Tarian & Nyanyian dalam Bahasa Isyarat - "Oollala Tropika" ii) Nyanyian dalam Bahasa Isyarat - " I Swear" |
| 11/8/95 | Majlis Maulidur Rasul di SRPK St. Nicholas, P. Pinang | Guru-guru & pelajar-pelajar Islam dijemput |
| 15/8/95 | Seminar Kesedaran Sains anjuran JPN & USM | Pelajar-pelajar Tingkatan 4 diberi pendedahan |
| 12-15/10/95 | Hari Kanak-Kanak Sedunia anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia | Persembahan Tarian Gamelan oleh Kelab Kebudayaan |
| 11/95 | "Charity Dinner for the Psychiatric Ward of General Hospital" di Hotel Park Inn anjuran 'The Physicians Association of Penang' | Tarian Gamelan & Persembahan "Oollala Tropika" |
| 16-19/10/95 | Minggu Mahir Cipta - Pertandingan Gubahan Ukiran Buah-Buahan & Sayur-Sayuran anjuran JPN | Pasukan sekolah memeasuki peringkat akhir |
| 12/12/95 | AGM Koperasi Sekolah | Semua ahli yang hadir diberi dividen dan elaun perjalanan |
| 16/12/95 | Pameran Jalinan Prihatin di Hospital Besar P. Pinang | Bahagian Kebajikan & Kaunseling membuat poster-poster |
| 19/12/95 | -Hari Ucapan & Penyampaian Hadiah<br>-Perasmian Premis Baru Koperasi Smpk P.P. Bhd.<br>-Hewlett Packard Sdn. Bhd. Menderma Seunit Scanner Kepada Kelab Komputer | Pelajar-pelajar Vokasional membina tangga di hadapan premis baru |
| 18-19/12/95 | Pertandingan Rekaan Perisian Komputer SOFTCOM Peringkat Kebangsaan di Kuala Lumpur | Projek 'Kamus Bergambar Kod Tangan Bahasa Melayu' mendapat Hadiah Ketiga |
| 20/12/95 | Majlis Israk & Mikraj | Semua kakitangan & pelajar beragama Islam |
| 31/12/95 | Konsert Menyambut Tahun 1996 YTL P. Pinang anjuran Kebajikan Masyarakat Negeri | Pelajar-pelajar dijemput |
| 9/1/96 | Bengkel Pengusaha Muda di USM | Ahli-ahli Kelab Pengusaha Muda mengambil bahagian |
| 11-14/1/96 | Pameran Hari Orang-Orang Cacat di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur | Mempamerkan projek Kelab Komputer 'Kod Tangan Bahasa Malaysia' yang memenangi hadiah pertama peringkat negeri & hadiah ketiga peringkat kebangsaan. |
| 1/2/96 | Kerani sekolah Puan Chan Yoke Khuan bersara selepas berkhidmat selama 33 tahun di sekolah ini. | Puan Chan mula berkhidmat pada 1/12/1963 iaitu semasa sekolah di Jalan Northam. |
| 11-12/3/96 | SUKAN TARA | |
| 17-19/3/96 | Kejohanan Olahraga MSSPP Peringkat Zon | Pingat Perak (110m lari berpagar). Pingat emas dan perak (400m) |
| 20/3/96 | 'Study Tour & Meeting' di KOMAG Sdn. Bhd., Pulau Pinang | Penyertaan oleh ahli-ahli Kelab Pengusaha Muda |
| 3/96 | 'Festival Charity Programme' di Penang Turf Club anjuran Pan Malaysia Pools Sdn. Bhd | Pelajar-pelajar dijemput |
| 23-25/3/96 | Kejohanan Olahraga MSSPP Peringkat Daerah | Pingat perak (110m lari berpagar) |
| | Perlawanan Persahabatan Bola Jaring antara SMPK dengan Sek. Men. Sri Mutiara | Pemain-pemain MSSPP Bola Jaring sekolah mengambil bahagian |
| 3/4/96 | TEMASYA SUKAN SEKOLAH | |

| | | |
|---|---|---|
| 24/4/96 | Lawatan Pegawai Pendidikan Daerah dari seluruh Malaysia | Taklimat diberi melalui komputer buat pertama kalinya |
| 4/96 | Perlawanan MSSPP Bola Jaring Zon Kelawai di Sekolah Uplands | Pasukan sekolah berjaya menduduki tempat kedua |
| 11/5/96 | 'Bowling' di Top Bowl Sunshine Square anjuran Hewlett Packard | 30 orang pelajar dijemput |
| 14-15/5/96 | Perlawanan MSSPP Bola Jaring Peringkat Pulau di Sek. Men. Sg. Ara | Pasukan sekolah menang satu, kalah satu & seri satu |
| 18/5/96 | 'Young Enterprise Outing' di Hotel Park Royal tajaan KOMAG Sdn. Bhd. | Kelab Pengusaha Muda dijemput |
| 24/5/96 | Mesyuarat Agung PIBG | |
| 1/6/96 | Hari Keputeraan DYMM Seri Paduka Yang Dipertuan Agung | |
| 20, 24/6/96 | Latihan Lalu Lintas di Bodhi Avenue, P. Pinang | 17 orang ahli Kelab Keselamatan Jalan Raya pergi berlatih |
| 25/6/96 | Ujian Lalu Lintas (Teori) anjuran JPN & SHELL | Mengambil bahagian |
| 26/6/96 | 'Vegetarian Dinner' di Malaysian Buddhist Association | 30 orang pelajar dijemput |
| 26/6/96 | Kilang Komag (M) Sdn. Bhd. di Bayan Lepas menderma satu set komputer multimedia NEC yang dilengkapi dengan Internet kepada Kelab Komputer. | |
| 27/6/96 | Ujian Lalu Lintas (Amali) anjuran JPN & SHELL | Mengambil bahagian |
| 5/7/96 | Jemputan 4 x 100m (Perempuan) di Sek. Men. Convent Light Street | Berjaya menduduki tempat ketiga |
| 6/7/96 | 'Street Soccer' tajaan PUMA | Kelab Bola Sepak menghantar 5 pasukan (20 orang pemain) |
| 5-7/7/96 | 'Study Camp' di Bukit Bendera anjuran PIBG dan Bahagian Kebajikan & Kaunseling Sekolah | Pelajar-pelajar Tingkatan 5 menyertai program ini |
| 7/7/96 | Pesta Bunga | Memenangi hadiah pertama |
| 9/7/96 | Kilang Komag (M) Sdn. Bhd. di Bayan Lepas menderma satu set komputer multimedia NEC yang dilengkapi dengan Internet kepada Kelab Komputer. | |
| 10/7/96 | Lawatan ke Pantai Batu Ferringhi | 15 orang pandu puteri menyertai lawatan |
| 15-20/7/96 | Pertandingan & Pameran Sains dan Matematik di RECSAM<br>Pameran Projek Pengusaha Muda (Y.E.) | Pelajar-pelajar kelas Binaan Bangunan (Vokasional) menyertai pertandingan dengan projek "Barbaque Pit" |
| 27/7/96 | Lawatan oleh Belia-Belia Jepun anjuran MAYC, P. Pinang & 'Katsushika-ku City Office, Japan' | Kelab Kebudayaan mempersembahkan tarian Gamelan |
| 3/8/96 | 'Fund Raising Dinner for Heart Patients' anjuran People's Progressive Party & Hospital Adventist P. Pinang | Kelab Kebudayaan mempersembahkan tarian Gamelan dan 2 lagu dalam Bahasa Isyarat bertajuk 'I Have a Dream' & 'I Swear' |
| 3/8/96 | Unggun Api di Sek. Sri Inai | Persatuan Pandu Puteri dijemput |
| 18-21/8/96 | Kejohanan Sukan Orang Kurang Upaya Ke-VIII dan Jemputan Asean 1996 di Kuching, Sarawak | 24 orang pelajar terpilih mewakili orang kurang upaya Pulau Pinang |
| 30/8-1/9/96 | Kem Motivasi di Bukit Bendera anjuran JPN & Bahagian Kebajikan & Kaunseling sekolah | 20 orang pelajar Tingkatan 3 & 5 mengambil bahagian |







## KELAB SOSIAL

Ahli-ahli kelab ini terdiri daripada guru-guru sekolah ini. Setiap ahli dikehendaki membayar RM3.00 sebagai yuran bulanan.

Kewujudan kelab ini penting dan wajar untuk menjaga kebajikan ahli-ahlinya dan seterusnya membantu pihak sekolah mengadakan majlis-majlis tertentu. Dalam kesibukan melaksanakan tugas masing-masing di sekolah dan kelompok guru yang semakin besar, Kelab Sosial dipertanggungjawabkan untuk memastikan keperluan dan kebajikan ahli-ahli diberi perhatian. Kelab ini mengerjakan tugas-tugas yang remeh-temeh seperti menyediakan sabun dan 'toilet paper' di tandas guru, bilik guru dan blok Vokasional sehinggalah menguruskan majlis-majlis perpisahan ataupun perayaan untuk ahli-ahli. Suratkhabar bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris turut ditempah untuk bacaan ahli-ahli di bilik guru. Di samping itu, Kelab Sosial juga memberikan sumbangan wang, hadiah, bunga atau dalam bentuk buah tangan kepada ahli-ahli yang baru mendapat cahaya mata yang pertama, ahli-ahli yang menerima rawatan di hospital atau pemergian ibu atau bapa ahli-ahli.











# GOD'S SPECIAL CHILD



I'm sending you a special child, to cherish in my name,
For you to love with all your heart, and teach him just the same,
For he is not like other babies nor will he ever be,
But you can love him just the same and take good care of him for me.

He may not hear, or see, or run, or learn as others do,
But he'll be yours and he will take his guidance all from you,
The road is hard, he'll break your heart, you'll cry a million tears,
But I promise when he smiles at you, the pain soon disappears.

I know you'll cry, "Why him, Why us", but I needed teachers true,
And that is why with care and trust, I've selected you,
So please don't turn your back on him, although he may be slow,
If you'll accept him as he is, then together you will grow.

He needs to learn the skills of life, for that I've chosen you,
And with your love to guide him, I know you'll see him through,
Don't try to see the future, I promise that to none,
Just live each day for all its worth, and enjoy my special one.

***- Roma Crowhurst, mother of a handicapped child.***

# Akademik



ENGLISH
SEJARAH
P.Seni..
OTAK
SAINS
GEOGRAFI
KEMAHIRAN
HIDUP
ASID
4 + 3/. 4 = 16
MATEMATIK
x²
60
50
40
√5
B.Malaysia

## ANALISIS KEPUTUSAN PMR TAHUN 1994

| Mata Pelajaran | Bilangan Calon Yang Mencapai Gred | | | | | Jumlah Calon | Bilangan Calon Lulus | Peratus Lulus |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | A | B | C | D | E | | | |
| Bahasa Melayu | 0 | 4 | 8 | 5 | 21 | 38 | 17 | 44.74% |
| Bahasa Inggeris | 0 | 0 | 5 | 2 | 31 | 38 | 7 | 18.42% |
| Sejarah | 1 | 3 | 6 | 16 | 12 | 38 | 26 | 68.42% |
| Geografi | 0 | 4 | 4 | 16 | 14 | 38 | 24 | 63.16% |
| Matematik | 2 | 5 | 1 | 19 | 11 | 38 | 27 | 71.05% |
| Sains | 2 | 1 | 5 | 14 | 16 | 38 | 22 | 57.89% |
| Kemahiran Hidup 2 | 1 | 2 | 3 | 7 | 0 | 13 | 13 | 100.00% |
| Kemahiran Hidup 3 | 0 | 1 | 2 | 12 | 10 | 25 | 15 | 60.00% |
| Pendidikan Islam | 0 | 0 | 0 | 0 | 14 | 14 | 0 | 0.00% |

## ANALISIS KEPUTUSAN PMR TAHUN 1995

| Mata Pelajaran | Bilangan Calon Yang Mencapai Gred | | | | | Jumlah Calon | Bilangan Calon Lulus | Peratus Lulus |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | A | B | C | D | E | | | |
| Bahasa Melayu | 0 | 0 | 0 | 10 | 29 | 39 | 10 | 25.64% |
| Bahasa Inggeris | 0 | 0 | 0 | 3 | 36 | 39 | 3 | 7.69% |
| Sejarah | 0 | 0 | 0 | 12 | 27 | 39 | 12 | 30.77% |
| Geografi | 0 | 0 | 0 | 17 | 22 | 39 | 17 | 43.59% |
| Matematik | 0 | 1 | 0 | 13 | 25 | 39 | 14 | 35.90% |
| Sains | 0 | 0 | 1 | 21 | 17 | 39 | 22 | 56.41% |
| Kemahiran Hidup 2 | 0 | 0 | 3 | 9 | 3 | 15 | 12 | 80.00% |
| Kemahiran Hidup 3 | 0 | 1 | 4 | 14 | 5 | 24 | 19 | 79.17% |
| Pendidikan Islam | 0 | 0 | 0 | 0 | 17 | 17 | 0 | 0.00% |



## ANALISIS KEPUTUSAN SPM TAHUN 1994

| Mata Pelajaran | Bilangan Calon Yang Mencapai Gred | | | | | | | | | Jumlah | Bilangan | Peratus |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | Calon | Calon Lulus | Lulus |
| Bahasa Melayu | | | | | | | | | 25 | 25 | 0 | 0.00% |
| Pend. Islam | | | | | | | | 1 | 3 | 4 | 1 | 25.00% |
| Pend. Moral | | | | | | | | 1 | 20 | 21 | 1 | 4.76% |
| Sejarah | | | | | | | | 1 | 24 | 25 | 1 | 4.00% |
| Bahasa Inggeris | | | | | 1 | | 1 | | 23 | 25 | 2 | 8.00% |
| Matematik | | | | 1 | 2 | | 1 | 2 | 19 | 25 | 6 | 24.00% |
| Sains | | | | | 1 | 2 | 3 | | 19 | 25 | 6 | 24.00% |
| Geografi | | | | | | | | 3 | 22 | 25 | 3 | 12.00% |
| Pendidikan Seni | | 1 | 1 | 5 | 6 | 10 | 1 | 1 | 0 | 25 | 25 | 100.00% |
| Perdagangan | | | | | | | | 1 | 24 | 25 | 1 | 4.00% |

## ANALISIS KEPUTUSAN SPM TAHUN 1995

| Mata Pelajaran | Bilangan Calon Yang Mencapai Gred | | | | | | | | | Jumlah | Bilangan | Peratus |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | Calon | Calon Lulus | Lulus |
| Bahasa Melayu | | | | | | | | | 18 | 18 | 0 | 0.00% |
| Pend. Islam | | | | | | | | | 6 | 6 | 0 | 0.00% |
| Pend. Moral | | | | | | | | | 12 | 12 | 0 | 0.00% |
| Sejarah | | | | 1 | | | 1 | 1 | 14 | 17 | 3 | 17.65% |
| Bahasa Inggeris | | | | | | | 1 | 1 | 16 | 18 | 2 | 11.11% |
| Matematik | | | | | 1 | | 3 | 1 | 13 | 18 | 5 | 27.78% |
| Sains | | | | | | | 1 | | 17 | 18 | 1 | 5.56% |
| Geografi | | | | | | | 1 | 1 | 16 | 18 | 2 | 11.11% |
| Pendidikan Seni | | | | 7 | 5 | 5 | | | | 17 | 17 | 100.00% |
| Perdagangan | | | | | | | 1 | 1 | 15 | 17 | 2 | 11.76% |

## Perbandingan Keputusan SPM/SAP 1993-1995

| | 1993 | | 1994 | | 1995 | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Bil | # % | Bil | # % | Bil | # % |
| SPM GRED I | 0 | 0.00% | 0 | 0 | 0 | 0 |
| SPM GRED II | 1 | 11.10% | 0 | 0 | 0 | 0 |
| SPM GRED III | 0 | 0.00% | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Jumlah lulus SPM | 1 | 11.10% | 0 | 0 | 0 | 0 |
| S. A. P. | 8 | 88.90% | 23 | 92.00% | 17 | 94.40% |
| GAGAL | 0 | 0.00% | 2 | 8.00% | 1 | 5.60% |
| Tarik Diri | 0 | 0.00% | 2 | 8.00% | 0 | 0.00% |
| Jumlah Calon | 9 | 100.00% | 27 | 100.00% | 18 | 100.00% |



Geh Lih Kher
**3A, 3B, 1C**



Lim Siang Huat
**2A, 4B, 1C**



Goh Yeang Lik
**1A, 3B, 3C**



Ong Sze Yin
**4B, 3C**



Yeoh Keat Siew
**2C, 3D**

**Pelajar-Pelajar Yang Lulus Dalam PMR 1994 •**

***Syabas!!!***



Tan Heng Bee
**3B, 4C**



Tan Sheng Hwa
**2C, 4D**

Idayu Sofni bt. Wan Mohd. Suid
**2B, 4C, 1D**

Ahmad Hafizhi B. Mohamad
**2B, 3C, 1D**

Lim Teong Keat
**5D**



Mah Chung How
**1B, 1C, 5D**



Cham Keng
**2C, 4D**



Tay Chin Peng
**2C, 5D**



Rickmen B. Mijeh
**3C, 3D**



LIM MIAN SHENG
**2B, 2C, 3D**



DENZELL TAN BENG WAH
**1B, 6D**

**Pelajar-Pelajar Yang Lulus Dalam PMR 1995 ·**

***Syabas!!!***



MUHAMAD EHSAN B.HASHIM
**6D**



AISHAH BT. SHUKOR
**1C, 6D**



SARIMAH BT.ABU BAKAR
**6D**

FARAHIYAH BT KAMARUDDIN
**5D**



*Dari kiri:*
Cik Azawiyah Abdul Hameed, Pn. Gee Eng Fong, Pn. Tjoeng Pit Chin, En. Selvam A/L Thondaya, En. Tan Eng Hong, Pn. Looi Chooi Fong, Cik Ng Su Har, Cik Neoh Beng Ling, Cik Siti Hajar Ishak.

## KELAS TAMBAHAN

Kelas Tambahan Wajib diadakan setiap minggu pada hari Selasa, Rabu dan Khamis. Kelas ini bermula pada pukul 2.00 hingga 4.00 petang. Semua pelajar Tingkatan 3 dan 5 yang akan menduduki peperiksaan PMR dan SPM diwajibkan menghadiri kelas ini.

| ***Mata Pelajaran*** | ***Guru*** |
|---|---|
| *1. Sains Tingkatan 5* | *Cik Azawiyah Abdul Hameed* |
| *2. Bahasa Melayu Tingkatan 5* | *Encik Selvam a/l Thondaya* |
| *3. Bahasa Inggeris Tingkatan 5* | *Puan Looi Chooi Fong* |
| *4. Matematik Tambahan Tingkatan 5* | *Puan Gee Eng Fong* |
| *5. Sains Tingkatan 3* | *Encik Tan Eng Hong* |
| *6. Bahasa Melayu Tingkatan 3* | *Cik Siti Hajar Ishak* |
| *7. Pembuat Pakaian Tingkatan 4D* | *Cik Ng Su Har* |

Sementara itu, kelas tambahan sukarela turut dikelolakan oleh setengah-setengah guru sekiranya diperlukan.

| ***Mata Pelajaran*** | ***Guru*** |
|---|---|
| *1. Matematik* | *Pn. Tjoeng Pit Chin* |
| *2. Bahasa Inggeris Tingkatan 3* | *Cik Neoh Beng Ling* |

## PROGRAM PENINGKATAN BAHASA MALAYSIA

Program ini diadakan setiap hari Rabu dan Khamis pada waktu pertama di dewan sekolah. Tujuan program tersebut adalah untuk meningkatkan kemahiran berbahasa dan memupuk minat terhadap bahasa. Pelbagai aktiviti seperti kuiz perbendaharaan dan tatabahasa, persembahan kelas dalam bentuk lakonan, berpuisi serta perbincangan telah dirancang dan dilaksanakan.







# Vokasional

# Berkemahiran



Hasil kerja pelajar-pelajar kelas pembuat pakaian wanita tinggi mutunya



Pelajar-pelajar kelas vokasional mempelajari teknik membuat pakaian wanita



Cik Ng sedang memerhati dan memberikan tunjuk ajar





Pelajar-pelajar menjalani amali menerap batu bata. Mereka yang bakal memberikan sumbangan dalam pembangunan negara khususnya dalam sektor pembinaan



Menyusun batu bata memerlukan teknik tertentu juga.......



Encik Kok Sum Choong merupakan seorang guru kemahiran vokasional yang berkaliber



Kelas Elektrik menyediakan pelajar-pelajar dengan kemahiran memasang alat elektrik.

# dan berhaluan.....

# KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA 1995
# ANJURAN MAJLIS LATIHAN VOKASIONAL KEBANGSAAN

## PENERAP BATU BATA

| Nama | Teori | Amali | Muktamad |
|---|---|---|---|
| Tan Sunny | Lulus | Lulus | Lulus |
| Ahmad Syafie B. Mt. Yosop | Lulus | Lulus | Lulus |
| Syamsuri B. Hasan | Lulus | Lulus | Lulus |
| Christopher Oh Boon Seng | Gagal | Gagal | Gagal |
| Zairen B. Zakaria | Lulus | Lulus | Lulus |
| Azri B. Rashid | Lulus | Lulus | Lulus |
| Mohd. Sabri B. Mat Sah | Gagal | Gagal | Gagal |
| Wong Jan Eik | Lulus | Lulus | Lulus |

## PEMBUAT PAKAIAN WANITA

| Nama | Teori | Amali | Muktamad |
|---|---|---|---|
| Rajeah Bt. Ismail | Lulus | Lulus | Lulus |
| Norsiha Bt. Baharap | Gagal | Lulus | Mengulangi Teori |
| Rusmawati Bt. Ayob | Lulus | Lulus | Lulus |
| Che Safora Bt. Abdul Razak | Gagal | Lulus | Mengulangi Teori |
| Azlinah Bt. Hamid | Lulus | Lulus | Lulus |

## ANALISIS KEPUTUSAN SKM TAHUN 1994

| KEMAHIRAN | Bil. Calon Mencapai Kelulusan Teori | Amali | Jum. Calon | Jum. Lulus | Jum. Gagal | Jumlah Ulangi Teori |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Penerap Bata dan Pekerja Batu | 6 | 6 | 8 | 6 | 2 | 0 |
| Pembuat Pakaian Wanita | 3 | 5 | 5 | 3 | 0 | 2 |



Pelajar-pelajar Vokasional memaparkan kemahiran mereka menyediakan sebuah `BBQ Pit' dalam Pertandingan Sains & Matematik anjuran SEOMEO-RECSAM, P. Pinang.

# Sukan









Memberikan sokongan dengan cara tersendiri....



"Eh, eh, cikgu silap tu!"

Puteri-puteri lilin.....





Tariiiiiiiik!



Pengadil yang bergaya



Sikit lagi! Sikit lagi!





'Come on, darlings, you can do it'



Em.. Sedapnya!!

# Temasya Sukan



Rumah Kuning...Johan tahun ini!



Penonton-penonton setia.






Jangan..jangan kalah!



Grrr... Siapa mereka? Kami juga boleh!








# Tahunan 1996








*Barisan hadapan dari kiri:*
Samrah, Roslizi, Teoh Boon Wah, Jamie Nasri, Cham Keng, En. Chan Kow Kniah, Tay Chin Peng, Lim Soon Hooi, Kee Hup Liang, Rickmen Mijeh, Norhaffizah.
*Barisan belakang dari kiri:*
Ung Chuin Yih, Low Chooi Theen, Zaliha Daud, Teoh Saw Ling, Keah Mei Cheh, Alice Shim, Goay Chin Sion, Mariappan, Mohd Fauzi, Vasudevan, Mohd Samawi, Charles Edmund, Yong Tjun Cherng, Mohd Azlimshah, Rajeah, Thor Chew Hoon.

## OLAHRAGA

*PENCAPAIAN :*
**MSSPP Peringkat Zon 1996**
Dalam acara 110 lari berpagar , Lim Soon Hooi telah mendapat pingat perak dan Rickmen Mijeh telah mendapat pingat emas manakala dalam acara 400m, Charles Edmund telah berjaya mendapat pingat perak.

**MSSPP Peringkat Negeri 1996**
Rikmen Mijeh telah mengharumkan nama sekolah dengan memenangi pingat perak dalam acara 110 lari berpagar.

Rickmen Mijeh telah dipilih untuk mengikuti latihan intensif peringkat negeri untuk MSSM di Johor. Pada 6 Julai 1996, pasukan lari berganti-ganti 4x100m (perempuan) sekolah kita telah menunjukkan kehebatan mereka dengan menduduki tempat ketiga semasa jemputan ke Sukan Sekolah Menengah Lebuh Light

Pada 17 - 22 Ogos 1996, 24 orang pelajar perempuan dan lelaki pula telah dipilih untuk mewakili negeri dalam Kejohanan Olahraga dan Renang Kebangsaan Orang Kurang Upaya KeVII di Kuching, Sarawak.



*Barisan hadapan dari kiri:*
Tan Gim Guan, Tan Sunny, Tai Chee Chow, Tan Heng Bee, En.Koay Swee Beng, En Chan Kow Kniah, Ong Sze Yin, Lee Choon Siow, Chung Ket Sin, Yong Tjun Cherng.
*Barisan belakang dari kiri:*
Mohd.Azizi, Chai Kam Man, Yew An Fatt, Tham Jyh Shyong, Teoh Boon Wah, Kong Soon Yee, Tan Sheng Hwa, Jamie Nazri, Wong Jan Eik, Ahmad Naquiddin, Yeoh Keat Siew, Alice Shim, Wong Sim Yee, Goh Hui Ching, Tang Hon Eng.

## KELAB RENANG

| | |
|---|---|
| Guru Penasihat : | En. Koay Swee Beng |
| Jurulatih (Sukarela): | En. Cheah Ee Kew |

*Aktiviti:*

Aktiviti renang dijalankan dua hari seminggu iaitu hari Isnin dan Khamis. Tahun ini latihan intensif dijalankan untuk mempertahankan johan renang dalam Kejohanan Olahraga dan Renang Orang Cacat yang akan diadakan di Sarawak.

Murid-murid yang berminat belajar renang, digalakkan hadir pada hari Khamis. Seorang sukarelawan, En. Cheah dari Kelab Renang Cina telah membantu mengajar pelajar-pelajar kemahiran-kemahiran renang.

Pada hari Isnin, Encik Chan Kow Kniah membantu mengajar keselamatan di dalam air.

*Pencapaian:*

**Dalam Kejohanan Renang Kebangsaan dan Jemputan ASEAN Orang Cacat:**

**1988 - menjadi Johan di Kelantan**
**1990 - menjadi Johan di Melaka**
**1992 - menjadi Johan di Terengganu**
**1994 - menjadi Johan di Johor**



*Barisan hadapan dari kiri:*
Azlimshah, Charleius, Thangaraja.
*Barisan tengah dari kiri:*
Khairul Anuar, Chung Wai Yean, En. Michael Choong, En. Selvam A/L Thondaya, Lim Soon Hui, Roslizi.
*Barisan belakang dari kiri:*
Tan Gim Guan, Teoh Boon Wah, Mariappan, Mohd Fauzi, Rosmahisham, Lim Teong Keat, Mohd Hafiz, Syamsuri, Yong Tjun Cherng, Jason L.John, Mohd Sabri.

**KELAB BOLA SEPAK**

| | | |
|---|---|---|
| Guru Penasihat | : | En. Selvam A/L Thondaya, En. Michael Choong |
| Pengerusi | : | Lim Soon Hui |
| Naib Pengerusi | : | Chung Wai Yean |
| Ketua Pasukan | : | Mohd Fauzi |
| Penolong | : | Mohd. Sabri |
| Setiausaha | : | Lim Teong Keat |
| Bendahari | : | Khairul Anwar |
| AJK | : | Charleius |
| | | Mariappan |

***Aktiviti:***

Pasukan bolasepak sekolah telah mengambil bahagian dalam pertandingan bolasepak MSSPP yang dianjurkan oleh Zon Kelawai dari 10 Mac - 3 April 1996.

Dalam kejohanan tersebut, sekolah kita telah bertemu dengan pasukan dari Sek. Men. St. Xavier, Sek. Menengah Zainal Abidin dan Sek. Men . Tanjong Bungah. Malangnya, pasukan Sek. Men. Pendidiakn Khas mengalami kekalahan dalam semua perlawanan.

Berdasarkan keputusan pertandingan dan corak permainan, pencapaian atau mutu permainan memang kurang memuaskan tetapi mutu permainan ini boleh ditingkatkan pada masa akan datang dengan mengamalkan teknik permainan yang lebih efisyen.



*Barisan hadapan dari kiri:*
Diana, Sarina, Samrah, Cik Lagiah Jupri, Cik Neoh Beng Ling, Cik Nasikoh Ismail, Teoh Saw Ling, Norhaffizah, Chang Shen Fun.
*Barisan belakang dari kiri:*
Ung Chuin Yih, Ting Li Na, Chin Siew Chen, Farhana, Tang Hon Eng, Salawati, Teoh Chai Ling, Ariani, Lee Choon Siow, Zaliha, Chu May Ling, Tai Yen Ting, Heng Chai Tee, Khoo Cheah Loo, Haslina.



**KELAB BOLA JARING**

| | |
|---|---|
| Guru Penasihat : | Cik Neoh Beng Ling |
| | Cik Lagiah Binti Jupri |
| Pembantu (Sukarela): | Mdm. Chris |
| Ketua Pasukan : | Sarina binti Ariffin |
| Penolong Ketua : | Teoh Saw Ling |

*Aktiviti:*

Aktiviti pada awal tahun bertumpu kepada persediaan untuk menyertai Kejohanan Bola Jaring MSSPP. Perlawanan antara rumah sukan dan perlawanan persahabatan dengan sekolah-sekolah lain seperti Sek. Men. Perempuan Methodist dan Sek. Men. Sri Mutiara diadakan untuk pemain-pemain berlatih, membina keyakinan diri dan memperbaiki permainan pasukan.

Kemahiran-kemahiran asas turut diajar kepada ahli-ahli kelab yang berjumpa sekali seminggu. Pada keseluruhannya, pemain-pemain sekolah dan ahli-ahli kelab menampakkan minat dalam menjalani latihan dan meningkatkan prestasi permainan mereka.

*Pencapaian:*

1. **Tempat ketiga bagi Kejohanan Bola Jaring MSSPP Zon Kelawai 1995**
2. **Johan Pesta Permainan Kanak-kanak Pendidikan Khas di Muar, Johor. (6-8 Jun 1995)**
3. **Tempat kedua bagi Kejohanan Bola Jaring MSSPP Zon Kelawai 1996**
4. **Memasuki Kejohanan Bola Jaring MSSPP Peringkat Pulau 1996**



*Barisan hadapan dari kiri:*
Jason L. John, Seow Chin Poh, Tan Sheng Hwa, Mah Chung How, Yeoh Keat Siew, Pn. Ong Mun Wah, Lim Soon Hui, Kee Hup Liang, Tay Chin Peng, Tai Chee Chow, Md. Sabri.
*Barisan belakang dari kiri:*
Tan Sunny, Ooi Pau Fei, Yew An Fatt, Ooi Hong Hooi, Kong Soon Yee, Goay Chin Sion, Lim Siang Huat, Jamie Nasir, Andy Michael Chung, Wong Jan Eik, Cham Keng, Lim Teong Keat, Mohd. Izwan, Goh Yeang Lik, Lim Beng Seong, Md. Rosmahisham.

## KELAB BOLA TAMPAR

Guru Penasihat : Puan Ong Mun Wah
Ketua Pasukan : Mah Chung How

***Aktiviti:***

Kelab Bola Tampar telah melaksanakan aktiviti mingguan pada tiap-tiap hari Isnin jam 4.00 petang hingga 6.00 petang. Kedatangan ahli adalah amat menggalakkan. Kebanyakan ahli telah menguasai kemahiran yang asas dalam permainan bola tampar tetapi mereka kurang berpengalaman dalam pertandingan. Oleh yang demikian, kelab ini merancang untuk menyertai pertandingan di luar sekolah untuk meraih pengalaman baru dan meningkatkan kemahiran pemain-pemain. Kelab juga menganjurkan pertandingan dalaman di antara pelajar-pelajar sekolah bagi mencungkil bakat dalam arena bola tampar.



*Barisan hadapan dari kiri:*
Kee Hup Liang, Chung Wai Yean, Cik Sabrina Bt. Rosely, Cik Lin Kuan Heng, Tay Chin Peng, Tai Chee Chow.
*Barisan belakang dari kiri:*
Charleius Edmund, Tan Gim Guan, Mah Chung How, Ganes Rao A/L Krishnan, Lim Beng Seong, Ooi Siong Hock.

## KELAB BADMINTON

| | | |
|---|---|---|
| Guru Penasihat | : | Cik Lin Kuan Heng, Cik Sabrina Rosely |
| Pengerusi | : | Tay Chin Peng |
| Setiausaha | : | Kee Hup Liang |

***Aktiviti:***

Tahun 1995 merupakan tahun yang membanggakan bagi Kelab Badminton kerana pemain-pemain sekolah telah menunjukkan kejayaan yang cemerlang dalam Expo Pendidikan Khas yang telah diadakan di Muar, Johor.

Tahun 1996 pula merupakan tahun yang mencabar bagi Kelab Badminton kerana kebanyakan pemain sekolah adalah yang baru dan belum berpengalaman. Namun, mereka akan tetap mewakili sekolah dalam pertandingan MSSPP untuk kumpulan umur 18 tahun pada bulan April nanti. Kelab Badminton yakin bahawa mereka akan menunjukkan persembahan yang baik.

Kelab Badminton juga merancang untuk mengadakan satu pertandingan badminton tertutup untuk mengcungkil bakat bakal-bakal pemain pada bulan Julai yang akan datang.

***Pencapaian:***

Tahun 1995 - menjadi Johan dalam Expo Pendidikan Khas yang telah diadakan di Johor.

***Kee's World***





**KELAB AEROBIK**

| | | |
|---|---|---|
| Guru-guru Penasihat | : | Puan Teoh Hong Kew |
| | | Puan Ung Siew Ngoh |
| Jurulatih | : | Cik Nancy Cheah |
| Ketua Pasukan | : | Khoo Cheah Loo |
| | | Ting Li Na |
| Bilangan Ahli | : | 45 orang |

*Aktiviti:*

Aktiviti aerobiks di sekolah ini telah dijalankan selama 3 tahun di bawah pimpinan jurulatih Cik Nancy Cheah. Cik Nancy adalah seorang jurulatih aerobiks sukarela .Beliau menyumbangkan masa dan tenaga untuk mengajar pelajar-pelajar setiap hari Selasa di dewan sekolah setiap minggu. Aktiviti ini bermula pada pukul 5.00 hingga 6.00 petang. (Ribuan terimakasih diucapkan kepada beliau daripada pihak sekolah.)

Selain daripada bersenam setiap minggu, ahli-ahli kelab ini juga mengambil bahagian dalam kegiatan luar sekolah ini seperti:

1. Menyaksi Pertandingan Aerobiks di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
2. Membuat persembahan semasa Majlis Makan Malam di Sek. Men. Pendidikan Khas.
3. Menunjukkan bakat mereka di Konsert Bakat Minggu Penyayang, Kolej Damansara Utama Pulau Pinang.
4. Memberi demontrasi aerobiks di Taman Belia semasa Minggu Kecergasan dan Kesihatan.




# Persatuan & Unit Beruniform



**KELAB KOMPUTER**

Guru Penasihat : Encik Teh Kean Hoe
Cik Loo Huck Huang
Pengerusi : Geh Lih Kher
Naib Pengerusi : Lim Siang Huat
Setiausaha : Tan Heng Bee
Bendahari : Ong Sze Yin



*Aktiviti:*

Aktiviti kelab diadakan pada petang hari Rabu, Khamis dan Jumaat. Ahli-ahli diberi pendedahan dalam penggunaan program aplikasi seperti Microsoft Word, Microsoft Excel, Paintbrush, dBASE dan Ami Pro. Di samping aktiviti tetap, ahli-ahli terpilih juga menyertai pertandingan komputer di luar sekolah. Mereka dibimbing menulis perisian dengan bahasa pengaturcaraan. Lawatan ke pameran komputer juga diadakan sekali-sekala. Pada awal tahun 1996, dua orang ahli kelab bersama dengan dua orang guru dijemput mempamerkan hasil kerja mereka di Pusat Dagangan Putra, Kuala Lumpur.

*Pencapaian:*

1. **Pada pertengahan 1995, menghantar dua projek untuk menyertai Pertandingan Komputer peringkat negeri yang disertai oleh 42 buah sekolah seluruh Negeri Pulau Pinang. Salah satu projek kita yang bertajuk "Kamus Bergambar Kod Tangan Bahasa Melayu" memangi hadiah pertama. Satu projek lagi memenangi hadiah ketiga. Hadiah yang dimenangi termasuk seunit komputer baru dan wang tunai RM4000.**
2. **Pada akhir tahun 1995, mengambil bahagian dalam Pertandingan Penulisan Perisian Sekolah-Sekolah (SoftCom95) peringkat kebangsaan dan berjaya memenangi Hadiah Ketiga yang merupakan wang tunai RM4000. Ahli-ahli kelab yang berjaya menggunakan wang itu untuk membeli seunit komputer Pentium untuk dihadiahkan kepada sekolah.**
3. **Menerima Surat Ucapan Tahniah daripada Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Tuan Haji Sabri bin Salleh atas kejayaan kelab ini dalam pertandingan komputer peringkat kebangsaan.**

■ Watan Jumaat 22 Disember 1995

# '76 sekolah sertai pertandingan Softcom '95

Sijil Penyert...

(TEMPAT KETIGA)

Adalah dengan ini dipera...
bahawa

GEN LIN KHER

telah menyertai dengan penuh i...

PERTANDINGAN PENULISAN PERISIAN
KOMPUTER SEKOLAH-SEKOLAH 1995
(SOFTCOM95)

anjuran

PUSAT PERKEMBANGAN KURIKULUM
JABATAN PENDIDIKAN PRASEKOLAH, RENDAH DAN MENENGAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA

...ngguh-sungguh dalam bidang itu.
Antara objektif utama pertandingan itu adalah memberi pendedahan dan pengalaman kepada pelajar mengenai pengaturcaraan komputer bagi tujuan pendidikan, menggalakkan pendekatan dan penggunaan kreatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk meningkatkan aplikasi perisian untuk meningkatkan mutu pendidikan negara.

Selain daripada itu, ia juga diharapkan untuk menggalakkan usaha dan semangat kerjasama di kalangan pelajar-pelajar dalam menghasilkan projek perisian komputer untuk tujuan pendidikan. Di samping meningkatkan minat komputer di kalangan pelajar-pelajar dari segi pengaturcaraan melalui penulisan dan pengunaan perisian komputer dalam pendidikan serta meningkatkan minat belajar dalam penggunaan perisian komputer dalam bidang pendidikan.

Sebanyak 12 sekolah daripada 76 penyertaan telah berjaya memasuki peringkat akhir pertandingan ini. Hadiah bagi tempat pertama untuk kategori Pengajaran dan Pembelajaran telah dimenangi oleh Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Jit Sin, Pulau Pinang dengan perisian bertajuk Mekanik SPM & STPM, tempat kedua, Sekolah Menengah (SM) Jalan Damai, Bukit Mertajam, Pulau Pinang dengan tajuk Sempoa dan tempat ketiga menjadi milik SM Pendidikan Khas, Pulau Pinang dengan projek bertajuk Kamus Bergambar Kod Tangan.

Bagi kategori kedua pula iaitu Pengurusan Pendidikan dimenangi oleh SM Khir Johari, Sungai Petani Kedah untuk tempat pertama dengan perisian bertajuk Sistem Ko-...iran dan Mel-Elektronik, tempat kedua, SMJK Chung Ling, Pulau Pinang dengan tajuk Sistem Pengurusan Perpustakaan dan SM Taman S... Hartamas, Kuala Lumpur dengan tajuk Sistem Pengurusan Pusat Sumber untuk tempat ketiga.

Pemenang pertama menerima hadiah wang tunai sebanyak RM7,000, kedua RM5,000 dan ketiga, RM4,000. Sementara peserta akhir yang tidak berjaya menerima wang tunai sebagai hadiah sagu hati sebanyak RM1,000.

...harap ia akan berjalan dengan lancar," kata Beh Kok Siang lagi.

Antara 12 sekolah yang berjaya menempatkan diri untuk peringkat akhir ini termasuklah SM Pendidikan Khas, Pulau Pinang dengan perisian bertajuk Kamus Bergambar Kod Tangan. Apa yang menariknya semua wakil sekolah ini terdiri daripada murid-murid yang mengalami kecacatan pendengaran.

Menurut guru mereka, Teh Kean Hoe, biarpun hanya mendapat tempat ketiga, namun sudah memadai memandangkan ini kali pertama sekolah mereka menyertai peringkat kebangsaan.

Ketua kumpulan, Geh Lih Kher, pelajar tingkatan empat berkata, perisian ini direka untuk kanak-kanak cacat pendengaran peringkat sekolah rendah yang baru sahaja cuba mempelajari Bahasa Melayu dengan ujaran kod tangan bahasa Melayu.

"Golongan sasaran lain ialah para guru untuk pendidikan khas sama ada guru yang sudah berpengalaman atau guru yang baru menceburkan diri dalam bidang pendidikan khas ini. Ia juga sangat efektif untuk kegunaan ibu bapa yang mempunyai anak-anak cacat pendengaran dan untuk semua anggota masyarakat agar berpeluang untuk berkomunikasi dengan mereka yang cacat," jelasnya.

Mereka mendapat hadiah wang tunai sebanyak RM4,000 iaitu RM3500 untuk Kelab Komputer Sekolah dan RM500 untuk peserta.

...Pengarah
...bangan Kurikulum
...ekolah, Rendah dan Menengah
...rian Pendidikan
Malaysia



...bergambar beramai-ramai.



*Barisan hadapan dari kiri:*
Masrini bt. Bukhari, Tai Yen Ting, Tan Lee Peng, Cik Noor Hasniza, Cik Samsoon Ali, Rashidah bt. Mohd. Yusof, Siti Rohaiza bt. Saidin, Salawati bt. Mohammad.
*Barisan belakang dari kiri:*
Azura bt. Abdul Wahab, Muszarina bt. Buzri, Rasidah bt. Mohd. Moktah, Chin Siew Chen, Ch'ng Kah Kee, Nuaim Syafawati bt. Bakar, Mazuin bt. Abdul Manaf, Teoh Hooi Hooi, Tang Hon Eng, Ho Wen Yee, Khor Kai Kee.

## KELAB KEBUDAYAAN

| | |
|---|---|
| Guru Penasihat : | Cik Samsoon Ali |
| Ketua Pasukan : | Rashidah binti Mohd Yusof |
| Setiausaha : | Masrini binti Bakhari |
| Bendahari : | Tan Lee Peng |
| Ahli Jawatankuasa : | Siti Rohaiza binti Saidin |

***Aktiviti:***

Semua ahli terlibat dalam mempelajari kemahiran seni gerak tari tradisional dan kontemporari. Selain dari mengadakan latihan wajib pada tiap-tiap minggu, ahli-ahli juga terlibat dalam menghasilkan eksesori yang direka khas untuk setiap persembahan. Lawatan berunsur budaya Malaysia seperti menyaksikan pameran persembahan pelbagai budaya juga diceburi. Sumbangan daya kreatif kelab ini pada majlis Hari Lahir TYT, Hari Ucapan Sekolah merupakan acara tahunan yang tetap. Selain itu, Kelab Kebudayaan Sekolah Menengah Pendidikan Khas juga menerima undangan dari pihak swasta dan badan kerajaan untuk membuat persembahan.

***Pencapaian:***

Kelab Kebudayaan Sekolah Menengah Pendidikan Khas telah diundang untuk membuat persembahan di RTM setelah berjaya dipilih ke peringkat akhir / kebangsaan dalam pertandingan kesenian orang-orang cacat.



*Barisan hadapan dari kiri:*
Tan LeePeng, Teoh Saw Ling, Cik Teh Bee Keow, Keah Mei Chei, Loh Shy Shin
*Barisan belakang dari kiri:*
Sarina Bt. Ariffin, Lau Bee Ling, Fong Lee Wei, Khoo Eng Hong, Lee Looi Chen, Goh Hooi Ching, Vanitha A/P Velloo

**PERSATUAN ERT**

| | |
|---|---|
| Guru Penasihat : | Teh Bee Keow |
| Pengerusi : | Keah Mei Chei |
| Setiausaha : | Tan Lee Peng |
| Ahli Jawatankuasa : | Sarina Bt. Ariffin |
| | Loh Shy Shin |
| | Fong Lee Wei |
| | Lee Looi Chen |

Kelab ini ditubuhkan dengan tujuan memberi kemahiran asas dalam bidang masakan, jahitan dan kraftangan supaya pelajar-pelajar boleh berdikari dan bertanggungjawab terhadap diri sendiri.

*Aktiviti:*

A) Masakan

1. Pencuci mulut - agar-agar santan, kuih serinaga dan puding.
2. Kek - kek oren, kek pisang, kek span dan kek permaisuri
3. Biskut / Pastri - biskut oat, biskut cornflake dan biskut kelapa.

B) Jahitan

1. Projek I - `draw string bag' dan menjahit lapik periuk
2. Projek II - `pin cushion' dan membuat bingkai gambar
3. Projek III - `letter holders'

C) Demontrasi

Gubahan bunga/ buah-buahan



*Barisan hadapan dari kiri:*
Tan Kang Loon, Ahmad Nor Hafiz, Mohd Azlam Rodzali, En. Arshad Awang, En.Chen Kim Cheong, Ch'ng Kah Kee, Azura Abdul Wahab, Rozi Azlina.
*Barisan belakang dari kiri:*
Norizemeh Ah.Tizimen, Sathiskumaran, Izuan Sofiah, Lee You Cheng, Ganes Rao, Leong Tze Han, Mohd Anuar Yusuff, Nor Azam Khalidi.

## PERSATUAN KESELAMATAN JALAN RAYA

| | |
|---|---|
| Guru Penasihat : | En. Arshad B. Awang |
| Penolong : | En. Chen Kim Cheong |
| Ketua Pasukan : | Mohd.Azlam B Rodzali |
| Penolong Ketua : | Ganes Rao A/L Krishnan |
| Ahli Jawatankuasa: | Mohd. Anuar B Yusuff |
| | Leong Tze Han |
| | Low Kin Kheong |

***Aktiviti:***

Persatuan Keselamatan Jalan Raya mengadakan aktivitinya sepanjang tahun. Selain daripada mempelajari tanda-tanda isyarat lalu lintas, Persatuan ini mengadakan ceramah dan bengkel /seminar anjuran bersama S.M.P.K dengan MKJR (Majlis Keselamatan Jalan Raya Pulau Pinang). Di samping itu, aktiviti-aktiviti seperti "outing" berjalan kaki dan lawatan sambil belajar juga diadakan. Persatuan ini juga menyertai pertandingan lalu lintas bersama-sama pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah normal dalam acara berjalan kaki. Aktiviti dalaman pula termasuk membuat kerja-kerja di sekolah seperti mengecat dan mengelok papan tanda isyarat dan petak-petak letak kereta di sekitar kawasan sekolah.

***Pencapaian:***

Mendapat hadiah saguhati dalam acara pejalan kaki dalam pertandingan lalu lintas anjuran Syarikat Shell Malaysia.



**KELAB KEINDAHAN**

Guru Penasihat: En. Lim Chee Boon

*Aktiviti:*

Pada 1995, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menganjurkan pertandingan "Peningkatan Keselamatan Kebersihan dan Keindahan Alam Sekitar Sekolah". Pertandingan ini dibuka kepada semua sekolah di seluruh Malaysia. Sekolah kita telah berjaya memenangi hadiah saguhati dalam bentuk wang tunai RM 1000.00 dalam kategori pendidikan khas. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada setiap orang yang telah menyumbang ke arah pencapaian ini. Kami akan melipatgandakan usaha untuk mencapai kejayaan yang lebih cemerlang pada masa akan datang.

Sementara itu, ahli-ahli kelab sentiasa berganding bahu untuk menjaga kebersihan dan keceriaan sekolah. Tugas-tugas mereka bermula dari mencabut lalang, memotong rumput, 'repotting' dan menyirami pokok-pokok bunga hingga ke 'pruning' dan 'budgrafting'. Projek yang sedang dijalankan sekarang ialah pembentukan semula 'Rock Garden' sekolah kita. Penghargaan khusus harus diberikan kepada tukang-tukang kebun sekolah iaitu En. Salim, En. Kuma dan En. Zaki yang bekerja tanpa penat lelah ataupun mengadu. Sasaran seterusnya untuk kelab kami ialah menceriakan sebahagian daripada jalan yang menuju ke dewan sekolah.





*Barisan hadapan dari kiri:*
Akshah Al Bakni Bin Abdul Razak, Kharil Bin Khalid, En.Nor Azam, Kalitasan A/L Deevaraju, Ishak Bin Edris.
*Barisan belakang dari kiri:*
Azri Bin Rashid, Roslan Bin Hassan, Mohd Azlan Bin Rodzali, A. Saiful Fadhli Bin Mohd, Tang Kin Mah, Rahmat Bin Mohd Lazim, Sathiskumaran A/L Murugiah, Mohd Anuar Bin Yosuff, Azril Kamaruddin.

## KELAB PERTANIAN

| | |
|---|---|
| Guru Penasihat : | Encik Nor Azam B. Ismail |
| Setiausaha : | Kharil B. Khalid |
| Bendahari : | Ishak B. Edris |
| Ahli Jawatankuasa: | Rahmat B. Mohd Lazim |
| | Azril B. Kamaruddin |
| | Ahmad Saiful Fadhli B. Mohd |

Aktiviti Kelab diadakan pada pukul 4.00 hingga 6.00 petang setiap hari Rabu dengan bilangan ahli seramai 10 orang.

***Objektif:***
1. Memberi pendedahan secara teori dan amali tentang teknik membuat batas, menyemai benih, merumput dan membaja dengan betul.
2. Menanam sifat rajin berusaha, berdikari, bersabar dan bekerjasama antara satu sama lain.
3. Memupuk minat suka berbudi kepada tanah.

***Rancangan Sepanjang Tahun:***

Antara projek yang dirancangkan ialah tanaman tebu dan ubi kentang. Projek ini akan dijalankan selepas selesai acara sukan tahunan sekolah.



*Barisan hadapan dari kiri:*
Hassan, Ahmad Noor Hafiz, En.Yusoff Arshad, Hairul Hanif dan Mohd Firdaus.
*Barisan belakang dari kiri:*
Yohanis Shah, Mohd Anuar, Mohd Izwan, Mohd Azlam, Abdul Rahman, Noor Azuan, Roslan Hashim dan Azril Kamaruddin.

## PERSATUAN PELAJAR ISLAM

| | |
|---|---|
| Guru Penasihat : | Ustaz Yusoff B. Arshad |
| Pengerusi : | Hairul Hanif B. Khairuddin |
| Naib Pengerusi : | Anuar B. Yusoff |
| Setiausaha : | Mohd Noor Hafiz |
| Bendahari : | Mohd. Azlan B. Rodzali |
| Ahli Jawatankuasa : | Mohd Firdaus B. Hasan |
| | Mohd Izwan B. Sofian |
| | Roslan B Hashim |
| | Azril B. Kamarudin |
| | Hassan B. Mohd. |
| | Nor Azuan B. Mokhtar |

*Aktiviti:*
Assalamualaikum,

Persatuan Pelajar Islam untuk sesi 1995/96 dibentuk pada 18.2.95. Beberapa aktiviti dalaman telah dibuat untuk sepanjang tahun ini. Di antara aktiviti yang telah dirancangkan ialah kelas tambahan untuk pelajar-pelajar Tingkatan III, kelas bimbingan BMKT (Agama), aktiviti ibadah, ceramah, gotong-royong, kuiz agama, pertandingan menulis khat, menulis poster agama, pameran dan lawatan. Satu jawatankuasa surau telah dibentuk bagi melicinkan perjalanan ibadah. Pelajar-pelajar juga dibawa ke masjid berdekatan pada hari Jumaat bagi menunaikan solat fardu jumaat.

*Pencapaian:*

Suatu majlis berbuka puasa, solat terawih dan lawatan telah dijalankan. Pelajar-pelajar Islam dibawa ke masjid berdekatan untuk mengerjakan solat tarawih.



*Barisan hadapan dari kiri:*
Henry Jeyarai A/L Tharumaneethi, Seow Chin Poh, Lim Mian Sheng, Pn. Tjoeng Pit Chin, Pn. Chan Sew Lian, Pn. Faridah Matt Lazim, Kee Hup Thong, Kee Hup Liang, Keah Mei Chei.
*Barisan belakang dari kiri:*
Sarina Ariffin, Lee Looi Chen, Wan Lai Mun, Lim Geok Lean, Teoh Saw Ling, Chang Shen Fun, Wong Jan Eik, Lee Li Lian, Fong Lee Wei, Loh Shy Shin, Fan Wei Fhen, Tong Siew Yeng, Chen Bee Kuen.

## PERSATUAN PENGUSAHA MUDA (UNIQUE ENTERPRISE)

| | | |
|---|---|---|
| Guru Penasihat : | Puan Chan Sew Lian | |
| | Puan Tjoeng Pit Chin | |
| | Puan Faridah Matt Lazim | |
| Penaja : | KOMAG USA ( MALAYSIA ) SDN. BHD. | |
| Penasihat Korporat: | Pengurusan - | Lim Kheng Kok |
| | Kewangan - | Janice Chuah |
| | Operasi - | Kuan Chee Kheong |
| | Jualan & Pemasaran- | Christine Ng |
| | Sumber Manusia- | Nancy Leong |

***Objektif***

1. Belajar melalui amalan
2. Mendapat pendedahan dan pengalaman tentang pengurusan sesuatu perniagaan.
3. Mengenalpasti bakat masing-masing.

***Aktiviti:***

Perjumpaan mingguan diadakan pada hari Rabu jam 3 - 4 petang. Antara aktiviti-aktiviti permulaan adalah menghadiri bengkel dan perasmian Program Pengusaha Muda di USM serta pendaftaran Syarikat Pengusaha Muda di Intel. Ahli-ahli juga berpeluang melawat ke KOMAG. TV3 juga membuat penggambaran program NIAGA di sekolah kita. .Projek pertama yang telah dijalankan pada bulan Januari-Februari adalah menghasilkan dan menjual kad-kad Hari Raya Aidil Fitri dan Tahun Baru Cina. Keuntungan yang diperolehi adalah sebanyak RM 72.00. Projek kedua dijalankan pada bulan Mac-Jun, iaitu menghasilkan pasu bunga daripada tanah liat dengan cara membuat acuan. Projek ketiga pula membuat rantai kunci menggunakan benang bulu kambing dan projek keempat adalah membuat magnet hiasan daripada tanah liat. Kami ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penasihat-penasihat korporat dari KOMAG atas sokongan dan keprihatinan mereka terhadap pelajar-pelajar kami.



*Barisan hadapan dari kiri:*
Ezzeddin, Syamsuri, Ishak, Shahrizad, En. Tan Cheng Lim, Md. Khairul, Hafiz, Norhisham, George.
*Barisan tengah dari kiri:*
Noor Azam, Md. Anuar, Jason L. John, Abdul Rahim, Kassim, Charleuis, Cheah Chong Boon, Md. Rosmahisham, Md. Fauzi.
*Barisan belakang dari kiri:*
Rahmat, Thangarajah, Tang Chi Kiong, Khoo Foo Seng, Khor Wei Choon, Akshah, Vikneswaran

## PERGERAKAN PENGAKAP KUMPULAN KE-7 / 7th G.T.(U)

| | | |
|---|---|---|
| Guru Penasihat | : | Encik Tan Cheng Lim |
| Pengerusi | : | Kassim Abdullah |
| Naib Pengerusi | : | Khairul Anuar |
| Setiausaha | : | Md. Shahrizad |
| Bendahari | : | Md. Azizi |
| Ahli Jawatankuasa | : | Md.Fauzi |
| | | Tham Jhy Shyong |
| | | Ishak |

*Aktiviti:*

1. Belajar dan menjalankan aktiviti-aktiviti berpengakap :
   - a. Ikatan dan Simpulan
   - b. Membina api
   - c. Memasak
   - d. Mendirikan khemah
   - e. Pertolongan cemas
   - f. Renang
2. Aktiviti 'Tracking'.-membaca tanda-tanda
3. Latihan kawad
4. Menjalankan aktiviti senaman riang
5. Aktiviti gotong-royong kebersihan kawasan sekolah.
6. Membantu dalam majlis sukan tahunan sekolah.



*Barisan hadapan dari kiri:*
Khoo Jason Wei, Teoh Boon Wah, Khairul Effendi, En. Shaikh Hamzah, Roslizi Rosli, Chan Kok Seng, Chong Kah Hoong.
*Barisan tengah dari kiri:*
Tan Choon How, Ahmad Norzimen, Tang Chai Keong, Rahmat Lazim, Ahmad Naqiuddin, Azlan, Abdul Rahman, Wan Syazarid, Ngo Chu Shien.
*Barisan belakang dari kiri:*
Ezzedin, Zakariah, Kong Soon Yee, Jeffrey Doray, Ganes Rao, Akshah, Isidore Daniel, Thangaraga.

## KADET REMAJA SEKOLAH (KRS)

Guru Penasihat : En. Mohd. Shaikh Hj. Hamzah
Ketua Pasukan : Roslizi Bin Rosli

Pasukan KRS dianggotai 19 orang pelajar lelaki Tingkatan 1-5.

*Aktiviti :*

1. Berkawad setiap hari Rabu
2. Latihan berenang / menyelamat
3. Latihan 'Jungle Tracking'
4. Perkhemahan
5. Lawatan ke Markas Tentera
6. Ujian-ujian kenaikan pangkat



*Barisan hadapan dari kiri:* Mok Jit Siang, Azril b. Mukhtar, Lee Tur Chin, D. Kalitasan A/L Deevaraju, Goh Yeang Lik, Tan Sheng Hwa, Khoo Kah Kheng.
*Barisan tengah dari diri:* Tan Heng Bee, Geh Lih Kher, Ong Sze Yin, En. Lim Chee Boon, Lee Bee Fung, Rasidah bt. Mohd Yusof, Lim Mian Sheng.
*Barisan belakang dari kiri:* Lim Siang Huat, Yeoh Keat Siew, Ooi Hong Hooi, Yew An Fatt, Tay Chin Peng, Neoh Choo Leong, Rickmen bin Mijeh, Lim Teong Keat, Mah Chung How, Cham Keng.

**KELAB PENDIDIKAN SENI**
Guru Penasihat: En. Lim Chee Boon

*Aktiviti:*

Dengan para barisan pendidik seni seperti Ismail Hashim., kini Ketua Fine Arts, USM yang telah memulakan Kelab Pendidikan Seni FSD dan diikuti oleh Pn. Khoo Ewie Choo dan En. Lim Chee Boon pada tahun 1980. Kelab ini telah melalui perkembangan yang amat positif.

Aktiviti kelab ini tidak terhad kepada ahli-ahli kelab sahaja, malah juga mendapat sambutan dan penyertaan dari semua pelajar T1-T5 Sekolah Menengah Pendidikan Khas, murid-murid SRPK Sri Tanjung dan juga pihak-pihak lain yang berminat di Sekolah Menengah Pendidikan Khas.

Di antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh kelab ini ialah:-

- pengecatan, kerja kraf, pembuatan pasu dan tembikar, ukiran kayu, percetakan lino dan lain kemahiran karya seni tangan.
- lawatan sambil belajar ke pameran lukisan
- menyertai pertandingan-pertandingan seni lukis
- membuat projek berkaitan seni lukis

Kecemerlangan pencapaian yang telah diperolehi jelas terbukti dalam pelbagai penglibatan kelab ini seperti berikut:-

- mencapai 100% kelulusan mata pelajaran Pendidikan Seni dalam peperiksaan SPM dan SRP.
- memenangi kebanyakan pertandingan yang disertai.
- Menghasilkan pelajar yang berjaya dalam kerjaya seni batik dan seni grafik.



*Barisan hadapan dari kiri:*
Tan Hui Hui, Elizabeth Ng, Cik. Hema Malini, Cik. Ahsni Bt Hasim, Teoh Lay San, Khor Lai Kee.
*Barisan belakang dari kiri:*
Normazlyana Bt Mazlan, Azlina Bt Ahmad, Yak Ling Ling, Ch'ng Kah Kee, Teoh Hooi Hooi, Chin Siew Chen.

## PERSATUAN PANDU PUTERI

| | |
|---|---|
| Pemimpin: | Cik Hema M. Hema Malini |
| | Cik Ahsni Hasim |
| Ketua Kompeni : | Teoh Lay San |
| Penolong Ketua : | Ch'ng Kah Kee |
| Setiausaha : | Chin Siew Chen |
| Bendahari : | Khor Kai Kee |

Patrol Anastasia
Ketua : Chin Siew Chen
1.Hajah Maszuraidah
2.Yak Ling Ling
3.Tan Hui Hui
4.Norhasdira Hasli

Patrol Vanessa
Ketua: Ch'ng Kah Kee
1.Mimi Ehsa Izwani
2.Azura Abdul Wahab
3.Teoh Hooi Hooi

Patrol Juliet
Ketua: Khor Kai Kee
1.Azlina Ahmad
2.Normazlyana
3.Elizabeth Ng

Persatuan ini menjalankan aktiviti pada hari Rabu jam 2.00 hingga 4.00 petang. Pelbagai aktiviti dalam bentuk teori dan praktikal dilaksanakan berdasarkan ujian-ujian kepanduan. Aktiviti riadah seperti permainan, latihan menguji fizikal juga diadakan selama sejam setiap kali perjumpaan.

Kesimpulannya, Persatuan Pandu Puteri ini memberi banyak manfaat kepada ahli-ahli untuk membentuk sahsiah dan pedoman hidup yang baik.

# Liputan dari .....

# KOPERASI S M P K P P BHD.






Perasmian premis Kedai Koperasi pada 19 OKT 1995 oleh Datin Hajah Kamariah Bt. Jalil dari Kementerian Pendidikan & En. Jeffrey Liew, Pengurus F&N (M) S/B P.P.

Kedai Koperasi baru mempamerkan beraneka jenis barang







Pagi makan, petang pun mesti makan..

AGM...Sabarlah saudara-saudari..elaun perjalanan akan diberi selepas mesyuarat!







*Barisan hadapan dari kiri:*
Puan Faridah Matt Lazim, Puan Ong Mun Wah, Puan Yeoh Suan Choo, Puan Chan Sew Lian, En. Lim Chee Boon, Cik Lin Kuan Heng.
*Barisan bekalang dari kiri:*
Khadeejah Bt Mohd Noor, Chung Ket Sin, Koid Weng Chee, Tai Chee Chow, Mohd Sabri bin Mat Sah, Mohd Azizi bin Abdullah.

## KOPERASI SMPK PULAU PINANG BHD

Pada dua tahun kebelakangan ini Kedai Koperasi telah menunjukkan perkembangan yang besar. Pada mulanya kedai koperasi terletak di sebuah bilik kecil di asrama perempuan. Oleh kerana sambutan yang baik daripada pelajar-pelajar, kedai koperasi dipindah ke tempat yang lebih besar dan lebih selesa di kawasan dewan rekreasi. Di sini paip air (water-cooler) dan meja serta kerusi disediakan. Usaha ini adalah hasil daripada pengelolaan yang memuaskan oleh Lembaga Koperasi.

Lembaga Pengarah Koperasi Ahli-ahli Jawatankuasa untuk sessi 1996 adalah seperti berikut:

| | | | |
|---|---|---|---|
| Pengerusi | : | Pn. Yeoh Suan Choo | |
| Naib Pengerusi | : | Pn. Chan Sew Lian | |
| Setiausaha | : | Pn. Ong Mun Wah | |
| Bendahari | : | En. Lim Chee Boon | |
| Pengurus I | : | Cik Lin Kuan Heng | |
| Pengurus II | : | Pn Faridah Matt Lazim | |
| AJK Pelajar | : | Tai Chee Chow | Khadeejah bt. Mohd. Noor |
| | | Koid Weng Chee | Chung Ket Sin |
| | | Mohd. Azizi Abdullah | Mohd. Sabri b. Mat Sah |

Koperasi Sekolah Menengah Pendidikan Khas, P.P Bhd. telah dibuka dengan rasminya oleh Datin Hajah Kamariah bt. Jalil dan En. Jeffrey Liew (Pengurus F&N (M) Sdn. Bhd. P. Pinang) pada 'Hari Terbuka', 19 Oktober 1995.

Di antara kegiatan Koperasi Sekolah Menengah Pendidikan Khas adalah menjual barang-barang keperluan pelajar seperti minuman, makanan, baju-T, buku isyarat kod tangan, alat tulis dan barangan runcit. Koperasi juga menerima komisyen daripada agen-agennya. Ada sebuah mesin vending di kedai. Barang makanan yang sentiasa dijual adalah nasi lemak, agar-agar, buah-buahan dan kuih-muih untuk menambah keuntungan kedai. Wang keuntungan ini digunakan untuk membantu pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan seperti menderma kamus kepada pelajar-pelajar 'terpilih' berasaskan latar belakang sosio-ekonomi keluarga serta ketekunan pelajar.

Pengurusan kedai koperasi secara harian diketuai oleh Cik Lin dan Pn. Faridah serta semua AJK pelajar. Waktu operasinya adalah setiap hari Isnin hingga Jumaat pada waktu rehat sekolah dan selepas makan malam. Manakala pada hari Sabtu dan Ahad dibuka pada 10.30-11.00 pagi dan 7.30-8.00 malam. Pembantu-pembantu kedai diberi elaun perkhidmatan setiap bulan.

Pada akhir tahun, Mesyuarat Agung Tahunan akan diadakan dan ahli-ahli Koperasi yang hadir akan diberi elaun perjalanan. Hadiah-hadiah didermakan oleh pembekal barangan Koperasi untuk cabutan bertuah.

Di sini semua Ahli Lembaga Koperasi Sekolah ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada F&N (M) Sdn. Bhd. P. Pinang, Syarikat Ban Lee Cheang, Syarikat Myojo Mee, Yeong Traders, Chee Seng Brothers dan pihak-pihak lain yang telah menolong sedikit sebanyak untuk menjayakan Koperasi Sekolah ini. Dengan usaha pihak Lembaga dan sokongan padu pihak-pihak yang terlibat, kini Koperasi Sekolah bergerak dengan jayanya.



*Barisan hadapan dari kiri:*
Salawati bte Mohammad, Masrini bte Bakhari, Puan Noor Zaida bte Mohd Zainul, Muszarina bte Buzri, Shahrizah bte Mohd Ismail.
*Barisan belakang dari kiri:*
Azzura bte Abdul Wahab, Khadeejah bte Mohd Noor, Rozi Azlina bte Shamsuddin, Mazuin bte Abdul Manaf, Saadah bte Mokti, Norhasdira bte Hasli.

## PERSATUAN PUTERI ISLAM

Guru Penasihat: Puan Noor Zaida Bt. Mohd.Zainul
Pengerusi: Mazuin Bt. Abdul Manaf
Naib Pengerusi: Masrini Bt. Bakhari

*Aktiviti:*

Persatuan Puteri Islam adalah persatuan yang baru ditubuhkan. Aktiviti yang akan dijalankan ialah mempelajari kraftangan, ikatan tali ,aktiviti masakan dan usrah. Diharap ahli-ahli persatuan memberi kerjasama sepenuhnya dalam menjayakan aktiviti yang telah dirancangkan.




Cik Samsoon yang berjiwa seni

Muzik tak didengari namun rentak irama dirasai

Kelab Kebudayaan sering dijemput memberikan persembahan di dalam atau di luar negeri.

# KAMI BOLEH

Tak didengari bunyi wisel, tapi permainan hebat juga




Pasukan bola jaring SMPK mendapat tempat ketiga MSSPP Zon Kelawei (1995), Johan dalam Ekspo Pend. Khas (1995) dan tempat kedua MSSPP Zon Kelawei (1996).



put

Kee Hup Liang (T2) sedang memperlihatkan projek persiannya kepada pelajar-pelajar sekolah lain.





Lim Siang Huat (T4) menjelaskan projeknya kepada Hakim Pertandingan Komputer Peringkat Negeri. Projek ini mendapat Hadian Ketiga.



Errrrr.......hhh

# JUGA!





Geh Lih Kher menjelaskan projeknya kepada Hakim Pertandingan Komputer



Wakil Kelab Komputer dijemput memperlihatkan hasil kerja mereka dalam Pameran Hari Orang Kurang Upaya di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur.



Menerima hadiah Pertama Pertandingan Komputer 1995 daripada Ketua Menteri.



Projek-projek Pengusaha Muda
Rantai Kunci & Potteri



Pelajar-pelajar Vocational
Berjasa Pada Sekolah

# KAMI BOLEH



Hari Peringatan'96



Hadiah sagu Hati
Pertandingan 3K 1995



Kelab Keindahan menceriakan
sekolah!



Perkhemahan Peringkat Negeri '95
berkenalan dengan Pandu Puteri dari Jepun.

Kelab Aerobik membina stamina



Rakan Sekawan

di puncak Bukit Mutiara.......... say "*Cheese*"

# JUGA!




Jaguh Renang SMPK

Bahagian Bimbingan & Kaunseling ............ memberi kesedaran di samping memperkenalkan sekolah kepada masyarakat umum

"The Water Babies"



### *I HEAR YOUR HAND*

*Hey there, friends! You've got a hand.*
*Help me see what you say to me,*
*Don't hide your hand.*
*My ears are closed, I cannot hear,*
*But we can share the world - don't fear!*
*Just lend a hand*

*Lend a hand and I can show you,*
*How to sing words in the air.*
*You can share my world of silence,*
*God gave us a dream to share.*
*I'm reaching out to you,*
*There's so much we can do.*

*Give me your hand and learn my language,*
*You can speak signs in the air.*
*We can reach for the stars above us,*
*I've so much I want to share.*
*I'll share my life with you,*
*God can make dreams come true.*







# Karya Pelajar



# PENYERTAAN PENUH DAN PENYAMAAN PELUANG BAGI ORANG KURANG UPAYA

oleh Mah Chung How
Tingkatan 5A

Orang kurang upaya merupakan sebahagian daripada anggota masyarakat yang mempunyai tanggungjawab dan hak yang sama dengan anggota masyarakat yang lain. Perdana Menteri, Y. A. B. Datuk Seri Dr. Mahathir bin Mohamad menyeru agar orang kurang upaya diberikan bimbingan, latihan dan dorongan sepenuh hati untuk turut serta dalam program-program kemasyarakatan. Mereka tidak harus diketepikan malahan patut turut menyumbang ke arah pembangunan negara.

Setiap anggota masyarakat sama ada yang berupaya atau yang kurang upaya harus bersikap hormat-menghormati di antara satu sama lain untuk mewujudkan persefahaman. Setiap insan istimewa tidak terlepas daripada melakukan kesilapan ketika menjalani kehidupan harian. Oleh itu, hendaklah dihulurkan tangan kepada golongan yang kurang upaya. Mereka harus diberi tempat dalam masyarakat agar tidak akan dipandang rendah. Kerajaan dan masyarakat juga diharap terus berusaha membantu golongan ini bersesuaian dengan Wawasan 2020 ke arah mewujudkan masyarakat penyayang dan memperluaskan penglibatan golongan kurang upaya dalam bidang yang lebih mencabar seperti kesenian dan kesukanan serta mengharumkan nama negara.

'Penyertaan Penuh dan Penyamaan Peluang bagi Orang Kurang Upaya' harus diperkenalkan dan dilaksanakan oleh semua pihak demi kejayaan individu dan masyarakat orang kurang upaya.

Kerajaan Malaysia telah mengambil langkah-langkah supaya seseorang yang kurang upaya tidak dipandang rendah oleh orang lain dalam masyarakat. Kerajaan tidak lelah memberikan kesedaran dan meningkatkan kesedaran masyarakat bahawa orang cacat sebagai anggota masyarakat mempunyai hak dan tanggungjawab masing-masing. Ini supaya anggota masyarakat tidak menganggap orang yang kurang upaya sebagai kurang berkebolehan serta tidak berguna. Sebenarnya, golongan orang cacat mempunyai kebolehan, keupayaan, kemampuan dan kemahiran ke arah pencapaian yang cemerlang sekaligus memanfaatkan pembangunan negara. Selain itu, hubungan dan kerjasama di antara kerajaan dengan pertubuhan sukarela serta sektor korporat dan komuniti perlu dirapatkan dalam usaha mewujudkan pelbagai kemudahan untuk orang cacat. Kerajaan harus mendedahkan kepada orang ramai akan pelbagai perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan olehnya bagi orang cacat

